

## **SIKAP BAHASA DAN PEMILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DI WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA**

*MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB*  
*Universiti Sains Malaysia*  
[mohdkhaidir@usm.my](mailto:mohdkhaidir@usm.my)

### **ABSTRAK**

Persepsi yang positif mahupun negatif mendorong individu untuk memilih atau tidak sesuatu bahasa untuk digunakan atau diabaikan. Kajian ini mengkaji sikap dan pemilihan bahasa oleh pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, iaitu di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Kaedah kajian ini adalah berlandaskan kajian lapangan, iaitu pengedaran borang soal selidik secara dalam talian dengan menggunakan perisian *Google Form* kepada responden. Kaedah ini menggunakan pautan yang tersedia dan dikongsikan secara dalam talian melalui e-mel, WhatsApp dan Telegram bagi mendapatkan jumlah responden yang ditetapkan. Responden yang terlibat berjumlah 400 orang. Hasil analisis berkaitan sikap bahasa responden menunjukkan 310 orang (77.5%) berpendapat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa paling berprestij, 328 orang (82%) memilih bahasa Melayu sebagai bahasa yang membuatkan mereka berasa bangga apabila menggunakannya, 225 orang (56.25%) berpendapat bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa paling efektif dalam pekerjaan, 392 orang (98%) berpendapat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang menimbulkan rasa cinta kepada negara dan 363 orang (90.8%) memilih bahasa Melayu sebagai bahasa yang paling dihargai. Dapatan kajian juga mendapati majoriti responden memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan dalam domain pendidikan, keluarga dan jual beli. Secara keseluruhannya, sikap bahasa dan pemilihan bahasa pelajar dari USM, UUM dan UNIMAP membuktikan bahawa bahasa Melayu masih mempunyai peranan dan menjadi pilihan sebagai bahasa utama ilmu di IPTA. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa paling efektif untuk mereka bersaing dalam bidang pekerjaan kelak.

**Kata kunci:** Sikap bahasa; pemilihan bahasa; pelajar IPTA; Wilayah Utara; Semenanjung Malaysia

## **A STUDY OF ATTITUDES AND LANGUAGE CHOICE AMONG STUDENTS OF PUBLIC INSTITUTIONS OF HIGHER EDUCATION IN THE NORTHERN REGION OF PENINSULAR Malaysia**

### **ABSTRACT**

Mixed perceptions drive individuals in choosing or abandoning certain languages. This study examines the attitudes shown and language choice by students of the Public Higher Education Institute (IPTA) in the Northern Region of Peninsular Malaysia, conducted in the states of

Penang, Kedah and Perlis. This study method is based on a field study, namely the distribution of online survey questions using Google Form software to respondents. This method uses links that are available and shared online via e-mail, WhatsApp and Telegram to reach the respondents. There are 400 respondents involved. The results of the analysis related to the respondent's language attitude showed that 310 people (77.5%) think that Malay is the most prestigious language, 328 people (82%) choose Malay as a language that makes them feel proud as its speaker, 225 people (56.25%) think that English is the most effective language to use at work, 392 people (98%) think that Malay is a language that fosters patriotism and love for the country and 363 people (90.8%) choose Malay as the most appreciated language. Furthermore, the study also found that the majority of respondents chose Malay as the language to be used in the domain of education, family and selling and buying goods. Overall, the language attitude and language choice by the students from USM, UUM and UNIMAP prove that Malay language still has a role and is made as the main medium in IPTA. However, English is considered the most effective language for them to compete in the field of work in the future.

**Keywords:** Language attitude; language choice; IPTA students; Northern Region, Peninsular Malaysia

## PENGENALAN

Secara umumnya, sikap bahasa merupakan satu aspek kajian yang akan mengkaji kedudukan sesuatu bahasa yang dapat mempengaruhi sikap dan keyakinan individu terhadap pemilihan sesuatu bahasa untuk digunakan dalam domain yang pelbagai. Sikap bahasa terhadap sesuatu merupakan gambaran perasaan penutur bahasa terhadap bahasanya atau bahasa orang lain (Hoh Sook Kuan, 2011:1). Sikap bahasa dianggap sebagai perilaku terhadap bahasa, iaitu seseorang yang menggunakan sesuatu bahasa menggambarkan persepsi mereka terhadap kepentingan bahasa yang diguna pakai (Ammar & Sa'adiah, 2020:2). Seseorang individu yang memilih bahasa untuk digunakan dalam sesuatu domain pastinya mempunyai persepsi yang positif terhadap bahasa tersebut. Sebaliknya, bahasa yang tidak dipilih atau diabaikan untuk digunakan dalam sesuatu domain mungkin disebabkan oleh persepsi negatif individu terhadap bahasa tersebut.

Pemilihan bahasa dilihat sebagai asas kepada komunikasi yang penting dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk menyampaikan maklumat, memberikan maklum balas dan bertindak sebagai alat perhubungan dalam domain pendidikan, domain keluarga dan domain sosial yang lain. Dengan adanya pemilihan bahasa, keberkesanan komunikasi akan lebih berkesan dalam konteks situasi tertentu. Hal ini demikian kerana, proses komunikasi merupakan asas pembinaan bagi segala aktiviti. Tanpa kewujudan komunikasi yang berkesan, segala aktiviti tidak dapat dijalankan dengan baik kerana komunikasi yang berkesan adalah nadi kepada individu, kumpulan, organisasi, dan konteks silang budaya. Sesuatu maklumat akan dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan berdasarkan pemilihan bahasa yang betul semasa seseorang berkomunikasi. Dalam sebuah masyarakat yang mempunyai pelbagai bahasa, seseorang itu harus memilih satu bahasa atau beberapa bahasa untuk mereka berkomunikasi (Fasold 1984; Mohammed Azlan Mis & Nur Syafiqah 2022:214). Umumnya, dua bahasa yang biasa digunakan oleh pelajar di IPTA ialah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, pemilihan terhadap bahasa-bahasa atau dialek-dialek

lain berkemungkinan berlaku apabila mereka berkomunikasi dalam domain-domain tertentu. Terdapat faktor yang mempengaruhi seseorang individu untuk memilih sesuatu bahasa untuk digunakan dalam domain tertentu. Holmes (1996:23) menyatakan bahawa faktor sosial seperti kepada siapa seseorang berbicara, konteks sosial, fungsi dan topik pembicaraan sangat mempengaruhi seseorang untuk menggunakan suatu bahasa tertentu.

Sebagai pelajar IPTA mereka perlu memilih bahasa yang sesuai ketika melaksanakan aktiviti bersama keluarga, ketika berada di kampus dan ketika berurusan dengan masyarakat di luar kampus. Keupayaan mereka membuat pemilihan bahasa yang sesuai dalam konteks situasi tertentu dapat memastikan urusan dan maklumat yang disampaikan dapat diterima dengan efektif seterusnya dapat mewujudkan hubungan yang baik ketika mereka berurusan dengan keluarga, pensyarah, rakan-rakan serta masyarakat. Pemilihan bahasa yang sesuai dan baik dapat mencerminkan keperibadian diri dan keluarga, taraf pendidikan yang diterima seterusnya kualiti institusi pendidikan yang menjadi platform untuk pelajar menimba ilmu akademik mahupun ilmu bersosialisasi.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sikap dan pemilihan bahasa lazimnya menjadi suatu isu yang kerap dibincangkan dalam negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan mempunyai pelbagai bahasa seperti di Malaysia. Secara umumnya unsur-unsur kesetiaan, kebanggaan dan kesedaran dalam menentukan sikap kita terhadap bahasa. Kesetiaan bahasa mendorong penutur bahasa untuk mempertahankan bahasanya. Kebanggaan bahasa memerlukan penutur bahasa mengembangkan bahasanya dan menggunakannya sebagai identiti dan lambang perpaduan masyarakatnya, manakala kesedaran bahasa pula mengingatkan penuturnya menggunakan bahasanya dengan cermat dan santun (Hoh Sook Kuan, 2011:10).

Pada tahun 1983, bahasa Melayu telah mendapat kedudukan yang tinggi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) apabila semua kursus seperti Sastera, Sains, kejuruteraan dan Perubatan telah diajar dalam bahasa Melayu (Noor Rohana & Hamdan, 2014:3). Walau bagaimanapun, pada 27 Disember 1993 bahasa Inggeris mula digunakan sebagai bahasa pengantar utama dalam bidang Sains dan Teknologi kerana berkeyakinan proses pemerolehan ilmu dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Sikap yang beranggapan hanya dengan bahasa Inggeris sahaja yang mampu membangunkan masyarakat di negara ini telah mengakibatkan bahasa Melayu hilang fungsinya di peringkat pengajian tinggi. Pada tahun 2003, kerajaan telah mengubah Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam subjek Sains dan Matematik serta meneruskan dasar tersebut di institusi pengajian tinggi.

Menurut Teo (2015), terdapat beberapa pihak khususnya dalam kalangan orang bukan Melayu berpendapat bahawa peranan bahasa Melayu di negara ini hanyalah sebagai alat untuk memenuhi tujuan komunikasi antara rakyat semata-mata. Dalam konteks ini, pada pandangan mereka kecekapan berbahasa adalah tidak penting asalkan bahasa Melayu yang digunakan berjaya memenuhi tujuan komunikasi dan interaksi antara kaum. Sikap dan persepsi yang membelenggu masyarakat bukan Melayu sejak dahulu ini telah memberi kesan yang dapat kita lihat pada hari ini. Antara kesan sikap dan persepsi sedemikian dapat dilihat melalui hasil kajian yang dilakukan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara pada tahun 2010. Kajian tersebut mendapati bahawa 609 daripada 13,925 pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sedikit pun tidak boleh berbahasa Melayu. Selain itu, hasil tinjauan rambang pada tahun 2011 yang dilakukan oleh Teo Kok Seong terhadap belia turut memperlihatkan 28 daripada 107 responden sama sekali tidak boleh bertutur dan memahami bahasa Melayu (Teo Kok Seong, 2015; Hassan Omar, 2014). Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan kajian ini ingin

melihat sejauhmana sikap mahasiswa dan mahasiswi ini terhadap bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain dalam konteks semasa, iaitu tahun 2023.

Sikap mahasiswa dan dasar sesebuah universiti juga akan menentukan pemilihan bahasa mahasiswa dalam domain-domain tertentu. Masalah kebahasaan ini dilihat semakin mencabar apabila kebanyakan IPTA perlu memenuhi keperluan sains dan teknologi dan mengejar ranking terbaik dalam bidang pendidikan di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Pemilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa juga berkait rapat dengan kepelbagaian kaum dan perbezaan bahasa yang terdapat dalam kalangan mahasiswa di IPTA yang menyebabkan masalah ketika berinteraksi antara satu sama lain. Hal ini sejajar dengan pandangan Mohammed Azlan & Nur Syafiqah (2022:215), iaitu kesukaran memahami bahasa-bahasa yang pelbagai akan membataskan interaksi pihak yangberkomunikasi. Hal ini bukan sahaja wujud akibat tidak memahami satu-satu bahasa dan akan menyebabkan salah faham akibat tidak memahami apa yang diperkatakan. Dalam konteks mahasiswa di IPTA, mereka perlu memberi perhatian dalam pemilihan bahasa yang sesuai ketika berada dalam domain-domain tertentu agar maklumat dapat difahami dan jelas. Pemilihan bahasa yang sesuai akan mengurangkan masalah komunikasi dan berlakunya salah faham kerana masalah pemilihan bahasa yang tidak sesuai. Dengan pemilihan bahasa yang sesuai akan membolehkan semua pihak berkomunikasi dengan sempurna dan lancar.

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap bahasa dan pemilihan bahasa oleh pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, iaitu meliputi pelajar di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP),Perlis.

### **KOSA ILMU**

Dalam usaha meninjau sikap bahasa dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar IPTA di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, iaitu di USM, Pulau Pinang, UUM,Kedah dan UNIMAP, Perlis, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas berkaitan fokus kajian ini. Sikap terhadap sesuatu bahasa akan menentukan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar IPTA. Hal ini demikian kerana keyakinan pengguna terhadap sesuatu bahasa akan menentukan pemilihan bahasa yang sesuai dan jelas agar mengelakkan sebarang masalah dalam menyampaikan maklumat dan memastikan matlamat sesuatu komunikasi itu dapat dicapai dengan baik. Antara pengkaji-pengkaji yang mengkaji sikap dan pemilihan bahasa adalah Ammar Asyraf & Sa'adiah (2020:1-17), Chew Fong Peng (2018:1-11), Tan Hua An & Tan Tiam Lai (2021: 450-460), Sa'adiah (1996; 1999), Hoh Sook Kuan (2011), dan Sharin Selva (2005). Kajian berskala besar berkaitan sikap dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia masih kurang atau tiada diteliti oleh para pengkaji.

Kajian Ammar Asyraf & Sa'adiah (2020:1-17), meneliti secara empirikal sikap bahasa, pemilihan serta penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu di Singapura. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti serta meneliti faktor-faktor pelajar Melayu di Singapura tidak memilih dan menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi. Kajian ini turut dijalankan untuk melihat sifat keprihatinan serta kepekaan pelajar terhadap langkah-langkah inisiatif yang wujud di persekitaran mereka. Ini disebabkan pelajar Melayu di Singapura pada abad ini jarang menggunakan bahasa Melayu sebagai alat untuk berinteraksi. Oleh hal demikian kajian ini dapat menyedarkan para pelajar serta memberi sumbangan dalam bentuk maklumat kepada kementerian pendidikan di Singapura. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai sikap bahasa yang positif terhadap bahasa Melayu. Sikap bahasa yang positif ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu

mendapat tempat dan kedudukan yang tinggi dalam kalangan pelajar bangsa Melayu di Singapura.

Chew Fong Peng (2018:1-11) mengkaji motivasi dan tempoh pembelajaran Bahasa Melayu kepada pelajar di dua universiti terkemuka di Beijing dan sikap bahasa mereka. Kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik telah dijalankan untuk mengumpul data bagi mendapatkan gambaran keseluruhan situasi dalam kalangan pelajar Cina di Beijing. Seramai 20 orang pelajar dari Universiti Peking dan Universiti Komunikasi China telah terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi instrumental merupakan faktor utama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kebanyakan mereka mampu menguasai Bahasa Melayu dalam tempoh 2 hingga 3 tahun. Dari segi sikap bahasa, pelajar kedua-dua universiti di Beijing mengamalkan sikap bahasa yang positif terhadap bahasa Melayu. Sebanyak 78.5% pelajar mengakui bahawa mereka boleh memahami budaya dan adat resam Melayu melalui pembelajaran bahasa Melayu. Program pertukaran pelajar Cina di bawah program bahasa Melayu ke Malaysia telah merangsang pembelajaran bahasa Melayu yang lebih aktif dan berkesan. Kesimpulannya, pelajar Beijing yang mengikuti program Bahasa Melayu berminat dengan bahasa Melayu dan mengamalkan sikap bahasa yang positif dalam memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu di China.

Kajian Sa'adiah (1996; 1999) mengkaji berkaitan dengan sikap pelajar dan sikap bahasa bangsa asing terhadap bahasa kedua iaitu bahasa Melayu. Dapatan kajian telah menunjukkan sikap bahasa yang positif dalam kalangan pelajar asing untuk mempelajari bahasa Melayu. Sikap yang positif terhadap bahasa mempunyai perkaitan dengan faktor ekonomi, iaitu para pekerja asing mempelajari dan cuba menguasai bahasa Melayu kerana keperluan di tempat kerja. Bagi pelajar Melayu yang mempunyai sikap positif terhadap bahasa Inggeris juga mempunyai keperluan yang sama iaitu untuk mendapatkan peluang pekerjaan dengan lebih luas.

Tan Hua An & Tan Tiam Lai (2021: 450-460) mengenal pasti sikap dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di universiti teknikal. Kajian ini menggunakan borang soal selidik dalam talian sebagai instrumen untuk mengumpul data. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Seramai 66 orang pelajar yang mengambil kursus bahasa Mandarin di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan, responden menunjukkan motivasi integratif dan motivasi instrumental yang positif. Kedua-dua motivasi yang positif menghasilkan sikap dan persepsi yang positif terhadap bahasa Mandarin. Sikap dan persepsi yang positif mencetuskan minat dalam mempelajari bahasa Mandarin. Minat ini mendorong pelajar mengambil kursus bahasa Mandarin. Ini seterusnya memotivasikan mereka untuk menyambung pembelajaran bahasa Mandarin selepas tamat pembelajaran mereka. Sikap dan persepsi yang positif dalam kalangan pelajar harus diberi perhatian yang sewajarnya agar penambahbaikan yang berterusan dapat diadakan untuk menyesuaikan dengan perkembangan dan trend semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di institusi pengajian tinggi tempatan.

Hoh Sook Kuan (2011) melalui kajiannya telah meninjau sikap kaum Cina di sekitar Subang Jaya terhadap bahasa Mandarin dan pemilihan bahasa oleh mereka dalam domain yang berbeza. Dalam kajian ini, subjek yang dipilih ialah golongan kaum ibu bapa yang majoritinya memberi keutamaan kepada penggunaan bahasa Inggeris. Di sini juga, pengkaji turut melihat sama ada sikap dan pemilihan ibu bapa terhadap sesuatu bahasa akan mempengaruhi pemilihan dan penggunaan bahasa anak-anak mereka. Kaedah soal selidik dan temu bual telah digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data-data kajian. Seramai 90 orang ibu bapa kaum Cina di Subang Jaya, Selangor dipilih sebagai responden untuk melengkapkan soal selidik. Dalam pada itu, pengkaji juga memilih 10 orang daripada mereka untuk dijadikan responden temu

bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaum Cina di kawasan kajian memberikan keutamaan kepada bahasa Inggeris dalam keempat-empat domain yang dikaji iaitu domain kekeluargaan, domain pekerjaan, domain persahabatan dan kejiwaan, serta domain lokasi. Sikap penggunaan bahasa Mandarin oleh kaum Cina di Subang Jaya adalah negatif jika dibandingkan dengan penggunaan bahasa Inggeris kerana tanggapan dan penilaian responden terhadap bahasa Inggeris adalah lebih tinggi dan positif. Faktor-faktor seperti penguasaan bahasa Mandarin yang lemah, kekurangan minat terhadap pembelajaran bahasa Mandarin dan kekurangan dorongan serta galakan ibu bapa merupakan faktor yang menyebabkan responden memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa yang diberi keutamaan dalam pelbagai domain.

Selanjutnya, Sharin Selva (2005) telah menjalankan tinjauan berkaitan hubungan antara bahasa dengan bangsa yang melibatkan kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India di Malaysia yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 59 tahun. Hasil kajian tinjauan ini mendapati responden kajian khususnya dalam lingkungan umur 30 hingga 39 tahun bersetuju bahawa bahasa sememangnya merupakan satu simbol identiti bagi tujuan menonjolkan bangsa seseorang penutur. Kajian ini turut membuktikan bahawa faktor umur merupakan salah satu faktor penting yang akan mempengaruhi sikap terhadap pemilihan sesuatu bahasa.

Berdasarkan kajian lepas yang telah dibincangkan, banyak perkara berkaitan sikap dan pemilihan bahasa adalah sesuatu yang sangat penting kepada seseorang individu khususnya para pelajar yang perlu berkomunikasi dan berurusan dalam kampus, bersama keluarga atau ketika berurusan dengan pihak luar yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bahasa yang berbeza-beza ketika berurusan dalam domain-domain tersebut. Komunikasi yang baik perlu diberi perhatian supaya semua maklumat yang disampaikan menjadi jelas dan mudah difahami. Walaupun kewujudan kosa ilmu atau kajian lepas ini tidak menjurus kepada sikap dan pemilihan bahasa pelajar di IPTA di Malaysia namun ia dapat membantu pengkaji untuk mendapat gambaran untuk melakukan kajian dengan lebih baik lagi. Terdapat ruang untuk kajian ini diterokai kerana masih belum terdapat pengkaji-pengkaji membuat kajian berkaitan isu ini. Hal ini demikian kerana, sikap dan pemilihan bahasa merupakan salah satu faktor dalam keberkesanan komunikasi yang berlangsung dalam kalangan pelajar di IPTA di Malaysia. Oleh itu, ternyata kajian ini dapat memenuhi keperluan kajian kebahasaan dalam kalangan kelompok penting, iaitu pelajar di IPTA yang bakal mewarisi tampok pemerintahan negara pada masa hadapan.

### **KERANGKA TEORETIS**

Kajian sikap dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Wilayah Semenanjung Malaysia, iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis ini berlandaskan teori domain. Teori domain telah dipelopori oleh Fishman (1972). Teori domain ini berlandaskan situasi pemilihan bahasa dalam sebuah masyarakat bahasa. Dalam hal ini, huraian Fishman bertumpu kepada penelitian hubungan aspek linguistik dengan kategori sosial seperti topik, hubungan dan peranan serta tempat mempunyai hubungan dengan pemilihan bahasa yang khusus. Topik, hubungan, peranan serta tempat merupakan faktor penting yang menyumbang kepada pembentukan domain (Mohammed Azlan & Nur Syafiqah (2022:218-219). Menurut Fishman (1972) '*Who speaks what language to whom and when*' sebagai suatu kaedah terbaik untuk mengklasifikasikan situasi sosial dalam tiga ciri yang tertentu, iaitu tempat, hubungan-peranan dan topik. Ketiga-tiga ciri ini dapat membentuk satu set domain biasa. Melalui analisis domain, data-data yang diperolehi dari lapangan dapat menerangkan jenis kod atau bahasa yang biasa dipilih oleh penutur (berdasarkan situasi dan tempat sesuatu komunikasi tersebut berlaku) (Dilah et.al 2021; Sa'adiah Ma'alip, 2021; Nurul Adila Zulkipli & Sa'adiah Ma'alip, 2016; Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong, 2016; Teo Kok Seong, 1999).

Sikap bahasa secara amnya dianggap sebagai perilaku terhadap bahasa. Ia juga adalah salah satu aspek dalam kajian sosiolinguistik yang membentuk perilaku individu berdasarkan suatu reaksi atas fenomena yang menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi. Kedudukan sesuatu bahasa dapat mempengaruhi sikap seseorang atau sesuatu masyarakat terhadap pemakaian bahasa tersebut. Seseorang yang menggunakan sesuatu bahasa juga menunjukkan pandangan mereka terhadap kepentingan bahasa yang diguna pakai (Ammar Asyraf & Sa'adiah, 2020:2). Sikap bahasa juga adalah posisi mental atau perasaan terhadap bahasa sendiri atau bahasa orang lain. Ia juga merupakan pandangan atau pegangan terhadap bahasa yang dapat mempengaruhi sikap bahasa seseorang terhadap kepentingan bahasa tersebut. Sikap bahasa dan pandangan masyarakat sesuatu bahasa turut mempengaruhi kehidupan mereka kerana bahasa merupakan wadah pemikiran dan alat perhubungan. (Nik Safiah 1988; Kridalaksana, 2001).

### KAEDAH KAJIAN

Secara keseluruhannya, kaedah kajian ini adalah kajian di lapangan untuk mendapatkan data sikap bahasa dan pilihan bahasa pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, iaitu di USM, Pulau Pinang, UUM, Kedah dan UNIMAP, Perlis. Kaedah soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian secara menyeluruh dalam kawasan yang luas atau meliputi jumlah responden yang ramai.

Borang soal selidik dalam kajian ini mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A merupakan soalan yang berkaitan dengan demografi atau maklumat peribadi responden. Bahagian B pula merangkumi soalan berkaitan sikap terhadap bahasa yang mempengaruhi pemilihan bahasa tersebut dalam kalangan responden. Manakala, bahagian C berkaitan pemilihan bahasa responden dan dibahagikan kepada tiga domain iaitu domain pendidikan, domain keluarga dan domain jual beli. Pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences for Windows 26* bagi memindahkan data yang dianalisis berdasarkan soal selidik. Penggunaan perisian ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji bagi menganalisis data yang diperolehi dengan tepat dan pantas. Bagi memenuhi objektif kajian ini proses-proses kajian lapangan dipatuhi oleh pengkaji, iaitu menyediakan soal selidik, merangka soalan, mengedarkan soal selidik, menentukan analisis data yang sesuai dengan keseluruhan kajian dan analisis dilakukan untuk mendapatkan hasil kajian (Chua, 2006).

Data soal selidik berkenaan sikap dan pemilihan bahasa diedarkan kepada 400 orang responden yang terdiri daripada pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) secara dalam talian dengan menggunakan perisian *Google Form* kepada responden. Kaedah ini menggunakan pautan yang tersedia dan dikongsikan secara dalam talian melalui e-mel, WhatsApp dan Telegram bagi mendapatkan jumlah responden yang ditetapkan.. Secara spesifiknya, pelajar USM berjumlah 164 orang, UUM 118 orang dan UNIMAP 118 orang. Data yang diterima melalui soal selidik tersebut dianalisis dengan menggunakan *Program Statistical Package for The Social Science versi 26* bagi memperoleh; (1) maklumat demografi seperti jantina, umur, kaum, aliran pendidikan, tahap pendidikan, dan bidang pengajian responden, (2) sikap bahasa pelajar USM, UUM dan UNIMAP seperti bahasa paling berprestij, bahasa yang melambangkan identiti bangsa, bahasa yang membuatkan berasa bangga apabila menggunakannya, bahasa paling efektif dalam pekerjaan, bahasa yang menimbulkan rasa cinta kepada negara, dan bahasa yang paling dihargai dan disayangi dan (3) pemilihan bahasa pelajar USM, UUM dan UNIMAP dalam domain pendidikan, keluarga dan jual beli. Proses penganalisan melibatkan statistik deskriptif frekuensi dan peratus bagi setiap item yang dikemukakan.

## DAPATAN KAJIAN

### Bahagian A: Demografi Responden

Bahagian A mengandungi maklumat demografi seperti jantina, umur, kaum, aliran pendidikan, tahap pendidikan, dan bidang pengajian responden. Analisis frekuensi dan peratus dihuraikan berdasarkan Jadual 1 hingga Jadual 6 di bawah.

JADUAL 1: Jantina

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Jantina	Lelaki	28	17.1	13	11	56	47.5	97	24.3
	Perempuan	136	82.9	105	89	62	52.5	303	75.7
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 1 menunjukkan data jantina responden. Daripada data tersebut, pelajar USM lelaki adalah berjumlah 28 orang (17.1%), manakala pelajar perempuan berjumlah 136 orang (82.9%). Pelajar lelaki UUM pula berjumlah 13 orang (11%) dan pelajar perempuan berjumlah 105 orang (89%). Bagi pelajar lelaki UNIMAP, mereka berjumlah 56 orang (47.5%) dan pelajar perempuan berjumlah 62 orang (52.5%). Berdasarkan jumlah responden bagi ketiga-tiga universiti tersebut, pelajar perempuan lebih mendominasi iaitu jumlah mereka adalah seramai 303 orang (75.7%) berbanding pelajar lelaki yang berjumlah 97 orang (24.3%) sahaja.

JADUAL 2. Umur

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Umur	18	-	-	1	0.8	7	6	8	2.0
	19	1	0.61	11	9.3	8	6.8	20	5.0
	20	4	2.43	40	34	19	16.1	63	15.8
	21	14	8.53	27	22.9	39	33.1	80	19.8
	22	88	53.7	23	19.5	22	18.6	133	33.3
	23	52	31.7	10	8.5	8	6.8	70	17.5
	24	2	1.2	2	1.7	8	6.8	12	3.0
	25	1	0.61	2	1.7	5	4.2	8	2.0
	26	-	-	1	0.8	1	0.8	2	0.5
	30	1	0.61	-	-	-	-	1	0.3
	40	1	0.61	1	0.8	-	-	2	0.5
	42	-	-	-	-	1	0.8	1	0.3
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 2 pula menunjukkan data umur responden. Berdasarkan jadual tersebut, pelajar USM berusia 22 tahun merupakan kategori teramai iaitu 88 orang (53.7%), diikuti dengan 23 tahun seramai 52 orang (31.7%), 21 tahun seramai 14 orang (8.53%), 20 tahun seramai 4 orang (2.43%), 24 tahun berjumlah 2 orang (1.2%) serta 19, 25, 30 dan 40 tahun masing-masing hanya 1 orang (0.61%) sahaja. Kemudian, bagi pelajar UUM, kategori paling teramai ialah



usia 20 tahun (34%), diikuti dengan 21 tahun seramai 27 orang (22.9%), 22 tahun seramai 23 orang (19.5%), 19 tahun seramai 11 orang (9.3%), dan 23 tahun seramai 10 orang (8.5%), 24 dan 25 tahun masing-masing berjumlah 2 orang (1.7%), serta 18, 26 dan 40 tahun masing-masing berjumlah 1 orang (0.8%) sahaja. Seterusnya bagi pelajar UNIMAP, kategori teramai ialah pelajar berusia 21 tahun iaitu 39 orang (33.1%), diikuti dengan 22 tahun iaitu 22 orang (18.6%), 20 tahun seramai 19 orang (16.1%), 19, 23 dan 24 tahun masing-masing seramai 8 orang (6.8%), 18 tahun seramai 7 orang (6%), 25 tahun seramai 5 orang (4.2%), serta 26 dan 42 tahun masing-masing hanya 1 orang (0.8%). Daripada hasil umur responden bagi ketiga-tiga universiti tersebut, pelajar berusia 22 tahun merupakan responden teramai iaitu 133 orang (33.3%), diikuti dengan 21 tahun seramai 80 orang (19.8%), 23 tahun seramai 70 orang (17.5%), 20 tahun seramai 63 orang (15.8%), 19 tahun seramai 20 orang (5%), 24 tahun seramai 12 orang (3%), 18 dan 25 orang masing-masing berjumlah 8 orang (2%), 26 dan 40 tahun masing-masing 2 orang (0.5%), serta 30 dan 42 tahun masing-masing 1 orang (0.3%) sahaja.

JADUAL 3. Kaum

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kaum Melayu	141	86.0	98	83.1	94	79.7	333	83.25
Cina	6	3.7	8	6.8	9	7.62	23	5.75
India	3	1.82	1	0.84	10	8.47	14	3.5
Bajau	2	1.2	-	-	-	-	2	0.5
Melanau	2	1.2	1	0.84	-	-	3	0.75
Bumiputera	2	1.2	-	-	-	-	2	0.5
Iban	1	0.61	5	4.2	2	1.69	8	2.0
Bumiputera Sabah	1	0.61	1	0.84	-	-	2	0.5
Bugis	1	0.61	-	-	-	-	1	0.25
Buton	1	0.61	-	-	-	-	1	0.25
Dusun	1	0.61	-	-	1	0.84	2	0.5
Kadazan	1	0.61	1	0.84	-	-	2	0.5
Murut	1	0.61	-	-	-	-	1	0.25
Siam	1	0.61	-	-	1	0.84	2	0.5
Bidayuh	-	-	2	1.7	1	0.84	3	0.75
Lun Bawang	-	-	1	0.84	-	-	1	0.25
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan data kaum responden. Kaum Melayu mencatatkan bilangan terbesar bagi pelajar USM, iaitu seramai 141 orang (86%), diikuti dengan kaum Cina seramai 6 orang (3.7%), kaum India seramai 3 orang (1.82%), masing-masing 2 orang (1.2%) bagi kaum Bajau, Melanau dan Bumiputera, serta masing-masing 1 orang (0.61%) bagi kaum Iban, Bumiputera Sabah, Bugis, Buton, Dusun, Kadazan, Murut, dan Siam. Bilangan majoriti bagi kaum pelajar UUM juga mencatatkan kaum Melayu, iaitu 98 orang (83.1%), diikuti dengan kaum Cina seramai 8 orang (6.8%), kaum Iban seramai 5 orang (4.2%), kaum Bidayuh seramai 2 orang (1.7%), serta masing-masing 1 orang (0.84%) bagi kaum India, Melanau, Bumiputera Sabah, Kadazan, dan Lun Bawang. Bagi pelajar UNIMAP pula, kaum Melayu turut menjadi kaum majoriti iaitu seramai 94 orang (79.7%), diikuti dengan kaum India seramai 10 orang (8.47%), kaum Cina seramai 9 orang (7.62%), kaum Iban seramai 2 orang (1.69%), serta masing-masing 1 orang (0.84%) bagi kaum Dusun, Siam, dan Bidayuh. Berdasarkan bilangan

bagi semua responden dari ketiga-tiga universiti tersebut, responden paling ramai adalah terdiri daripada kaum Melayu iaitu seramai 333 orang (83.25%), diikuti dengan kaum Cina seramai 23 orang (5.75%), kaum India seramai 14 orang (3.5%), kaum Iban seramai 8 orang (2%), masing-masing 3 orang (0.75%) bagi kaum Melanau dan Bidayuh, masing-masing 2 orang (0.5%) bagi kaum Bajau, Bumiputera, Bumiputera Sabah, Dusun, Kadazan dan Siam, serta masing-masing 1 orang (0.25%) bagi kaum Bugis, Buton, Murut dan Lun Bawang.

JADUAL 4. Aliran Pendidikan

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Aliran Pendidikan	Sekolah Kebangsaan (SK)	156	95.1	108	91.53	101	85.6	365	91.25
	Sekolah Kebangsaan (SJKC/SJKT)	7	4.3	9	7.63	14	11.9	30	7.5
	Sekolah antarabangsa/swasta	1	0.6	1	0.84	3	2.5	5	1.25
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Kemudian, Jadual 4 menunjukkan aliran pendidikan responden. Pelajar USM paling ramai bersekolah di sekolah kebangsaan (SK), iaitu seramai 156 orang (95.1%), diikuti dengan sekolah jenis kebangsaan (SJKC/SKJT) seramai 7 orang (4.3%), dan baki 1 orang (0.6%) lagi bersekolah di sekolah antarabangsa/swasta. Trend yang sama turut berlaku kepada pelajar UUM iaitu majoriti daripada mereka bersekolah di sekolah kebangsaan (SK), iaitu seramai 108 orang (91.53%), diikuti dengan sekolah jenis kebangsaan (SJKC/SKJT) seramai 9 orang (7.63%), dan baki 1 orang (0.84%) lagi bersekolah di sekolah antarabangsa/swasta. Bagi pelajar UNIMAP pula, keadaannya juga turut sama seperti pelajar USM dan UUM iaitu majoriti daripada mereka bersekolah di sekolah kebangsaan (SK), iaitu seramai 101 orang (85.6%), diikuti dengan sekolah jenis kebangsaan (SJKC/SKJT) seramai 14 orang (11.9%), dan baki 3 orang (2.5%) lagi bersekolah di sekolah antarabangsa/swasta. Justeru, berdasarkan keputusan tersebut, jelaslah bahawa kebanyakan responden daripada ketiga-tiga universiti tersebut bersekolah di sekolah kebangsaan (SK), iaitu seramai 365 orang (91.25%), diikuti dengan sekolah jenis kebangsaan (SJKC/SKJT) seramai 30 orang (7.5%), dan hanya 5 orang (1.25%) bersekolah di sekolah antarabangsa/swasta.

JADUAL 5. Tahap Pendidikan

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tahap Pendidikan	Diploma	-	-	-	-	20	17	20	5
	Sarjana muda	161	98.2	112	94.9	95	80.5	368	92
	Sarjana	2	1.2	6	5.1	3	2.5	11	2.75
	Doktor Falsafah	1	0.6	-	-	-	-	1	0.25
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 5 menunjukkan data tahap pendidikan responden. Majoriti daripada pelajar USM adalah berpendidikan sarjana muda, iaitu 161 orang (98.2%). Manakala, bagi sarjana dan doktor

falsafah, masing-masing berjumlah 2 orang (1.2%) dan 1 orang (0.6%). Kemudian, bagi pelajar UUM, majoriti mereka juga adalah berpendidikan sarjana muda iaitu seramai 112 orang (94.9%) dan baki 6 orang (5.1%) lagi adalah sarjana. Seterusnya, hal yang sama turut berlaku kepada pelajar UNIMAP iaitu majoriti mereka adalah berpendidikan sarjana muda, iaitu seramai 95 orang (80.5%). Baki seramai 20 orang (17%) dan 3 orang (2.5%) adalah masing-masing berpendidikan diploma dan sarjana. Oleh itu, berdasarkan keputusan tahap pendidikan responden bagi ketiga-ketiga universiti tersebut, majoriti daripada mereka adalah berpendidikan sarjana muda iaitu 368 orang (92%), diikuti dengan diploma seramai 20 orang (5%), sarjana seramai 11 orang (2.75%), serta hanya 1 orang (0.25%) adalah doktor falsafah.

JADUAL 6. Bidang Pengajian

USM			UUM			UNIMAP		
Bidang	Bil	%	Bidang	Bil	%	Bidang	Bil	%
Linguistik bahasa Melayu	108	66	Pengurusan awam	13	11.0	Kejuruteraan elektrik	23	19.49
Pendidikan khas	22	13.4	Pengurusan pembangunan	9	7.6	Komunikasi media baharu	18	15.25
Sastera	22	13.4	Kewangan Islam dan perbankan	8	6.8	Perniagaan antarabangsa	10	8.5
Terjemahan dan Interpretasi	4	2.4	Sains ekonomi	7	6.0	Kejuruteraan elektronik	9	7.63
Kejuruteraan aeorangkasa	2	1.2	Pentadbiran perniagaan	6	5.1	Mekatronik	8	6.8
Bahasa Inggeris	2	1.2	Ekonomi	6	5.1	Kejuruteraan awam (pembinaan)	5	4.23
Kejuruteraan bahan	1	0.6	Logistik dan pengangkutan	6	5.1	Kejuruteraan awam	5	4.23
Sains biologi	1	0.6	Perbankan	5	4.23	Kejuruteraan sivil	5	4.23
Sains kemasyarakatan	1	0.6	Pentadbiran muamalat	5	4.23	Keusahawanan kejuruteraan	4	3.4
Sains kimia	1	0.6	Pengurusan acara	5	4.23	Kejuruteraan komputer	4	3.4
			Pengurusan hal ehwal antarabangsa	5	4.23	Media dan komunikasi	3	2.54
			Perakaunan	4	3.4	Kejuruteraan automasi	2	1.7
			Pengurusan kerja sosial	4	3.4	Kejuruteraan bahan	2	1.7
			Pengurusan sumber manusia	3	2.54	Kejuruteraan kimia	2	1.7
			Pemasaran	3	2.54	Kejuruteraan mikroelektronik	2	1.7
			Bahasa Melayu	2	1.7	Kejuruteraan elektronik biomedikal	2	1.7

Pengurusan risiko dan insurans	2	1.7	Kejuruteraan pembuatan	2	1.7
Informasi dan teknologi	2	1.7	Kejuruteraan mekanikal	2	1.7
Perniagaan	2	1.7	Mesin	1	0.84
Sejarah gunaan	2	1.7	Kejuruteraan alam sekitar	1	0.84
Pendidikan kaunseling	2	1.7	Megatronik	1	0.84
Keusahawanan	2	1.7	Kejuruteraan perisian elektronik	1	0.84
Pendidikan pengurusan perniagaan	1	0.84	Teknologi automotif	1	0.84
Pengurusan teknologi	1	0.84	Kejuruteraan reka bentuk produk	1	0.84
Pentadbiran awam	1	0.84	Robotik dan automasi	1	0.84
Komunikasi	1	0.84	Sistem pertanian	1	0.84
Perniagaan Islam	1	0.84	Seni reka dan seni lukis	1	0.84
Sains keputusan	1	0.84	Kejuruteraan Pembinaan bangunan	1	0.84
Statistik industri	1	0.84			
Undang-undang	1	0.84			
Sastera	1	0.84			
Kontemporari dan pengurusan industri Kreatif					
Pengurusan hospitaliti	1	0.84			
Pengurusan operasi	1	0.84			
Pengurusan pelancongan	1	0.84			
Pendidikan perakaunan	1	0.84			
Media teknologi	1	0.84			
Falsafah, undang-undang dan perniagaan	1	0.84			
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>Jumlah:</b>	<b>118</b>	<b>100</b>
			<b>Jumlah:</b>	<b>118</b>	<b>100</b>

Jadual 6 menunjukkan bidang pengajian responden bagi ketiga-tiga universiti iaitu USM, UUM, dan UNIMAP. Bidang yang paling ramai diceburi oleh pelajar USM ialah linguistik bahasa Melayu iaitu seramai 108 orang (66%), diikuti dengan pendidikan khas dan sastera

masing-masing seramai 22 orang (13.4%), terjemahan dan interpretasi seramai 4 orang (2.4%), kejuruteraan aeroangkasa dan bahasa Inggeris masing-masing seramai 2 orang (1.2%), serta masing-masing hanya 1 orang (0.6%) bagi bidang kejuruteraan bahan, sains biologi, sains kemasyarakatan, dan sains kimia.

Kemudian, bagi pelajar UUM, majoriti daripada mereka menceburi bidang pengurusan awam iaitu seramai 13 orang (11%), diikuti dengan pengurusan pembangunan seramai 9 orang (7.6%), kewangan Islam dan perbankan seramai 8 orang (6.8%), sains ekonomi seramai 7 orang (6%), dan masing-masing seramai 6 orang (5.1%) menceburi bidang ekonomi, pentadbiran perniagaan, serta logistik dan pengangkutan. Bagi bidang perbankan, pentadbiran muamalat, pengurusan acara dan pengurusan hal ehwal antarabangsa, masing-masing mencatatkan bilangan 5 orang (4.23%). Bilangan 4 orang (3.4%) pula masing-masing adalah bidang perakaunan dan pengurusan kerja sosial. Bagi bidang pengurusan sumber manusia dan pemasaran, bilangan pula mencatatkan 3 orang (2.54%). Seterusnya, bilangan 2 orang (1.7%) masing-masing adalah bidang bahasa Melayu, pengurusan risiko dan insurans, informasi dan teknologi, perniagaan, sejarah gunaan, pendidikan kaunseling, dan keusahawanan. Bagi bidang selebihnya iaitu pendidikan pengurusan perniagaan, pengurusan teknologi, pentadbiran awam, komunikasi, perniagaan Islam, sains keputusan, statistik industri, undang-undang, sastera kontemporari dan pengurusan kreatif, pengurusan hospitaliti, pengurusan operasi, pengurusan pelancongan, pendidikan perakaunan, media teknologi, serta falsafah dan undang-undang, masing-masing mencatatkan bilangan 1 orang (0.84%) sahaja.

Seterusnya, bagi pelajar UNIMAP pula, majoriti daripada mereka menceburi bidang kejuruteraan elektrik iaitu 23 orang (19.49%), diikuti dengan komunikasi media baharu seramai 18 orang (15.25%), perniagaan antarabangsa seramai 10 orang (8.5%), kejuruteraan elektronik seramai 9 orang (7.63%) dan mekatronik seramai 8 orang (6.8%). Kemudian, masing-masing 5 orang (4.23%) menceburi bidang kejuruteraan awam (pembinaan), kejuruteraan awam, dan kejuruteraan sivil. Bagi yang menceburi bidang keusahawanan kejuruteraan dan kejuruteraan komputer pula, masing-masing berjumlah 4 orang (3.4%). Hanya 3 orang (2.54%) menceburi bidang media dan komunikasi. Bidang kejuruteraan automasi, kejuruteraan bahan, kejuruteraan kimia, kejuruteraan mikroelektrik, kejuruteraan elektronik biomedikal, kejuruteraan pembuatan, dan kejuruteraan mekanikal pula masing-masing berjumlah 2 orang (1.7%). Hanya masing-masing 1 orang sahaja (0.84%) yang menceburi bidang mesin, kejuruteraan alam sekitar, mekatronik, kejuruteraan perisian elektronik, teknologi automotif, kejuruteraan reka bentuk produk, robotik dan automasi, sistem pertanian, seni reka dan seni lukis, serta kejuruteraan pembinaan bangunan.

### **Bahagian B: Sikap Bahasa Pelajar USM, UUM, dan UNIMAP**

Bahagian B mengandungi maklumat mengenai sikap pelajar USM, UUM dan UNIMAP terhadap bahasa iaitu pendapat responden mengenai bahasa paling berprestij, bahasa yang melambangkan identiti bangsa, bahasa yang membuatkan berasa bangga apabila menggunakannya, bahasa paling efektif dalam pekerjaan, bahasa yang menimbulkan rasa cinta kepada negara, serta bahasa yang paling dihargai.

JADUAL 7. Bahasa Paling Berprestij

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa paling berprestij.	Bahasa Melayu	137	83.5	91	77.1	82	69.5	310	77.5
	Bahasa Inggeris	26	15.9	23	19.5	28	23.7	77	19.25

Bahasa Mandarin	1	0.6	4	3.4	4	3.4	9	2.25
Bahasa Tamil	-	-	-	-	4	3.4	4	1
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 7 menunjukkan item pertama iaitu pendapat mengenai bahasa paling berprestij. Majoriti pelajar USM iaitu 137 orang (83.5%) berpendapat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa paling berprestij. Manakala, 26 orang (15.9%) daripada mereka pula berpendapat bahawa bahasa paling berprestij adalah bahasa Inggeris. Hanya 1 orang (0.6%) berpendapat bahasa paling berprestij ialah bahasa Mandarin. Bagi pelajar UUM, bahasa Melayu turut dianggap sebagai bahasa paling berprestij iaitu 91 orang (77.1%) berpendapat sedemikian. Manakala, 23 orang (19.5%) menganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa paling berprestij dan baki 4 orang (3.4%) lagi menganggap bahasa Mandarin adalah bahasa paling berprestij bagi mereka. Kemudian, majoriti pelajar UNIMAP turut berpendapat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa paling berprestij iaitu seramai 82 orang (69.5%). Selebihnya, 28 orang (23.7%) menganggap bahasa Inggeris merupakan bahasa paling berprestij, diikuti dengan bahasa Mandarin dan bahasa Tamil iaitu masing-masing seramai 4 orang (3.4%) sahaja. Hasil daripada analisis terhadap semua responden daripada ketiga-tiga universiti tersebut, majoriti pelajar iaitu 310 orang (77.5%) berpendapat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa paling berprestij, diikuti dengan bahasa Inggeris seramai 77 orang (19.25%), bahasa Mandarin seramai 9 orang (2.25%) dan bahasa Tamil seramai 4 orang (1%) sahaja.

JADUAL 8. Bahasa yang Melambangkan Identiti Bangsa

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa yang melambangkan identiti bangsa.	Bahasa Melayu	159	97.0	112	95	103	87.29	374	93.5
	Bahasa Inggeris	-	-	1	0.8	3	2.542	4	1
	Bahasa Mandarin	3	1.8	2	1.7	3	2.542	8	2
	Bahasa Tamil	-	-	-	-	7	5.932	7	1.75
	Bahasa kaum itu sendiri	-	-	1	0.8	-	-	1	0.25
	Bahasa Kadazandusun	-	-	-	-	1	0.847	1	0.25
	Semua bahasa	2	1.2	2	1.7	1	0.847	5	1.25
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Seterusnya, Jadual 8 menunjukkan pendapat mengenai bahasa yang melambangkan identiti bangsa. Kebanyakan pelajar USM memilih bahasa Melayu iaitu seramai 159 orang (97%), diikuti dengan bahasa Mandarin seramai 3 orang (1.8%) dan semua bahasa yang disenaraikan seramai 2 orang (1.2%). Majoriti pelajar UUM turut memilih bahasa Melayu sebagai bahasa yang melambangkan identiti bangsa, iaitu seramai 112 orang (95%), diikuti dengan bahasa Mandarin dan semua bahasa yang masing-masing berjumlah 2 orang (1.7%) serta bahasa Inggeris dan bahasa kaum itu sendiri yang masing-masing berjumlah 1 orang (0.8%) sahaja. Bagi pelajar UNIMAP, majoriti daripada mereka turut memilih bahasa Melayu sebagai bahasa yang melambangkan identiti bangsa, iaitu seramai 103 orang (87.29%), diikuti dengan bahasa Tamil seramai 7 orang (5.932%), masing-masing bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin seramai 3 orang (2.542%), serta bahasa Kadazandusun dan semua bahasa masing-masing

berjumlah 1 orang (0.847%) sahaja. Oleh yang demikian, berdasarkan keputusan tersebut, bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling ramai dipilih oleh responden iaitu 374 orang (93.5%) sebagai bahasa yang melambangkan identiti bangsa, kemudian diikuti oleh bahasa Mandarin seramai 8 orang (2%), bahasa Tamil seramai 7 orang (1.75%), semua bahasa seramai 5 orang (1.25%), bahasa Inggeris seramai 4 orang (1%), serta bahasa Kadazandusun dan bahasa kaum itu sendiri yang masing-masing mencatatkan bilangan 1 orang (0.25%) sahaja.

JADUAL 9. Bahasa yang Membuatkan Berasa Bangga Apabila Menggunakannya

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa yang membuatkan berasa bangga apabila menggunakannya.	Bahasa Melayu	147	89.63	90	76.3	91	77.1	328	82
	Bahasa Inggeris	12	7.32	21	17.8	16	13.6	49	12.25
	Bahasa Mandarin	3	1.83	6	5.1	5	4.2	14	3.5
	Bahasa Tamil	2	1.22	-	-	6	5.1	8	2
	Semua bahasa	-	-	1	0.8	-	-	1	0.25
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>	

Kemudian, Jadual 9 menunjukkan pendapat mengenai bahasa yang membuatkan seseorang berasa bangga apabila menggunakannya. Majoriti pelajar USM memilih bahasa Melayu iaitu seramai 147 orang (89.63%), diikuti dengan bahasa Inggeris seramai 12 orang (7.32%), bahasa Mandarin seramai 3 orang (1.83%), dan baki 2 orang (1.22%) memilih bahasa Tamil. Pelajar UUM juga majoritinya memilih bahasa Melayu iaitu seramai 90 orang (76.3%), diikuti dengan bahasa Inggeris seramai 21 orang (17.8%), dan bahasa Mandarin seramai 6 orang (5.1%). Baki 1 orang (0.8%) lagi memilih semua bahasa. Bagi pelajar UNIMAP, majoriti daripada mereka turut memilih bahasa Melayu iaitu seramai 91 orang (77.1%), diikuti dengan bahasa Inggeris seramai 16 orang (13.6%), bahasa Tamil seramai 6 orang (5.1%), dan baki 5 orang (4.2%) lagi memilih bahasa Mandarin. Justeru, berdasarkan data tersebut, jelaslah bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang membuatkan majoriti responden dari ketiga-tiga universiti tersebut berasa bangga apabila menggunakannya. Hal ini dapat dilihat pada kekerapan pilihan bahasa iaitu 328 orang (82%) memilih bahasa Melayu, 49 orang (12.25%) memilih bahasa Inggeris, 14 orang (3.5%) memilih bahasa Mandarin, 8 orang (2%) memilih bahasa Tamil, dan hanya 1 orang (0.25%) memilih semua bahasa.

JADUAL 10. Bahasa Paling Efektif dalam Pekerjaan

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa paling efektif dalam pekerjaan.	Bahasa Melayu	80	48.8	42	35.6	34	28.8	156	39
	Bahasa Inggeris	78	47.6	69	58.5	78	66.1	225	56.25
	Bahasa Mandarin	6	3.6	7	5.9	6	5.1	19	4.75
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>	

Dari sudut bahasa paling efektif dalam pekerjaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10, 80 orang (48.8%) pelajar USM memilih bahasa Melayu sebagai bahasa paling efektif

dalam pekerjaan. Namun, angka tersebut adalah kurang berbanding pilihan bahasa Inggeris yang mencatatkan 78 orang (47.6%). Baki 6 orang (3.6%) responden lagi memilih bahasa Mandarin sebagai bahasa paling efektif dalam pekerjaan. Seterusnya, bagi pelajar UUM, kekerapan pilihan juga adalah sama dengan pelajar USM tetapi berbeza kekerapan. Hal ini dapat dilihat pada pilihan bahasa Melayu mencatatkan bilangan 42 orang (35.6%), bahasa Inggeris seramai 69 orang (58.5%) dan bahasa Mandarin seramai 7 orang (5.9%). Dalam hal ini, trend keputusan yang sama turut dapat dilihat pada pendapat pelajar UNIMAP iaitu 34 orang (28.8%) memilih bahasa Melayu, 78 orang (66.1%) memilih bahasa Inggeris, dan 6 orang (5.1%) memilih bahasa Mandarin. Justeru, berdasarkan data tersebut, majoriti pelajar USM, UUM, dan UNIMAP berpendapat bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa paling efektif dalam pekerjaan, diikuti dengan bahasa Melayu dan bahasa Mandarin. Perkara tersebut dapat dilihat melalui kekerapan pilihan iaitu bahasa Inggeris seramai 225 orang (56.25%), bahasa Melayu seramai 156 orang (39%) dan bahasa Mandarin seramai 19 orang (4.75%).

JADUAL 11. Bahasa yang Menimbulkan Rasa Cinta Kepada Negara

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa yang menimbulkan rasa cinta kepada negara.	Bahasa Melayu	164	100	116	98.3	112	95	392	98
	Bahasa Inggeris	-	-	1	0.85	3	2.5	4	1
	Bahasa Mandarin	-	-	1	0.85	3	2.5	4	1
	<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Seterusnya, dari segi bahasa yang menimbulkan rasa cinta kepada negara seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11, semua pelajar iaitu 164 orang (100%) pelajar USM memilih bahasa Melayu sebagai bahasa yang menimbulkan rasa cinta kepada negara. Bagi pelajar UUM pula, majoriti mereka juga memilih bahasa Melayu iaitu seramai 116 orang (98.3%). Masing-masing hanya 1 orang (0.85%) sahaja memilih bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Trend keputusan yang sama turut dapat dilihat pada pendapat pelajar UNIMAP iaitu seramai 112 orang (95%) memilih bahasa Melayu. Masing-masing seramai 3 orang (0.8%) sahaja memilih bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Oleh yang demikian, data tersebut jelas menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelajar USM, UUM, dan UNIMAP berpendapat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang menimbulkan rasa cinta kepada negara. Perkara tersebut dalam dilihat melalui kekerapan pilihan iaitu bahasa Melayu seramai 392 orang (98%), serta masing-masing seramai 4 orang (1%) bagi bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin.

JADUAL 12. Bahasa yang Paling Dihargai

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa yang paling dihargai	Bahasa Melayu	159	97	106	89.8	98	83.1	363	90.8
	Bahasa Inggeris	-	-	5	4.2	5	4.2	10	2.4
	Bahasa Mandarin	3	1.8	7	6	8	6.8	18	4.5
	Bahasa Tamil	2	1.2	-	-	7	5.9	9	2.3
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>	



Bagi pendapat terakhir iaitu bahasa yang paling dihargai dan disayangi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12, 159 orang (97%) pelajar USM memilih bahasa Melayu, diikuti dengan 3 orang (1.8%) memilih bahasa Mandarin dan 2 orang (1.2%) memilih bahasa Tamil. Majoriti pelajar UUM turut memilih bahasa Melayu iaitu seramai 106 orang (89.8%), diikuti dengan seramai 7 orang (6%) memilih bahasa Mandarin dan baki 5 orang (4.2%) lagi memilih bahasa Inggeris. Kemudian, seramai 98 orang (83.1%) pelajar UNIMAP pula memilih bahasa Melayu, diikuti dengan 8 orang (6.8%) memilih bahasa Mandarin, 7 orang (5.9%) memilih bahasa Tamil dan baki 5 orang (4.2%) lagi memilih bahasa Inggeris. Berdasarkan keputusan tersebut, jelaslah bahasa yang paling dihargai oleh majoriti responden dari USM, UUM dan UNIMAP adalah bahasa Melayu. Keputusan ini dapat dilihat berdasarkan jumlah pilihan iaitu seramai 363 orang (90.8%) memilih bahasa Melayu, 18 orang (4.5%) memilih bahasa Mandarin, 10 orang (2.4%) memilih bahasa Inggeris, dan baki 9 orang (2.3%) memilih bahasa Tamil.

### **Bahagian C: Pemilihan Bahasa Responden**

Bahagian C mengandungi maklumat mengenai pemilihan bahasa responden dalam tiga domain iaitu domain pendidikan, domain kekeluargaan, dan domain jual beli. Analisis frekuensi dan peratus dihuraikan berdasarkan Jadual 13 hingga Jadual 27 di bawah.

#### **A) Domain Pendidikan**

Aspek yang dianalisis dalam domain pendidikan adalah bahasa ketika membentangkan tugas, bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah, bahasa pilihan ketika menjalankan program di universiti, bahasa pilihan ketika beriadah bersama rakan di dalam kampus, dan bahasa pilihan ketika berada di desasiswa/hostel.

JADUAL 13. Bahasa ketika membentangkan tugas

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa ketika membentangkan tugas	Bahasa Melayu	159	97.0	107	90.68	56	47.5	322	80.5
	Bahasa Inggeris	5	3	9	7.62	60	50.8	74	18.5
	Bahasa Mandarin			1	0.85	1	0.85	2	0.5
	Dialek-dialek Melayu			1	0.85	1	0.85	2	0.5
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 13 iaitu bahasa ketika membentangkan tugas, bahasa Melayu menjadi pilihan utama pelajar USM dengan bilangan 159 orang (97%) dan baki 5 orang (3%) lagi memilih bahasa Inggeris. Bagi pelajar UUM, bahasa Melayu turut menjadi pilihan utama mereka iaitu dengan bilangan 107 orang (90.68%). Daripada 11 orang yang berbaki, 9 orang (7.62%) memilih bahasa Inggeris dan masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Mandarin dan dialek-dialek Melayu ketika membentangkan tugas. Namun begitu, bahasa Melayu tidak menjadi bahasa pilihan majoriti pelajar UNIMAP ketika membentangkan tugas walaupun angkanya hampir setara. Hal tersebut dapat dilihat pada bilangan 56 orang (47.5%) yang memilih bahasa Melayu berbanding 60 orang (50.8%) yang memilih bahasa Inggeris. Bagi pilihan bahasa Mandarin dan dialek-dialek bahasa Melayu, masing-masing

hanya digunakan oleh 1 orang (0.85%) pelajar sahaja. Walau bagaimanapun, setelah dibuat pengiraan keseluruhan terhadap pilihan bahasa pelajar USM, UUM dan UNIMAP ketika membentangkan tugas, hasil menunjukkan bahawa bahasa Melayu tetap menjadi pilihan utama pelajar iaitu dengan bilangan seramai 322 orang (80.5%), diikuti dengan bahasa Inggeris seramai 74 orang (18.5%), serta masing-masing 2 orang (0.5%) bagi bahasa Mandarin dan dialek-dialek Melayu.

JADUAL 14. Bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah	156	95.12	85	72.03	91	77.1	332	83
Bahasa Melayu								
Bahasa Inggeris	7	4.27	32	27.12	25	21.2	64	16
Dialek-dialek Melayu	1	0.61	1	0.85	1	0.85	3	0.75
Bahasa Mandarin					1	0.85	1	0.25
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 14 pula menunjukkan bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah. Bagi pelajar USM, majoriti daripada mereka memilih untuk menggunakan bahasa Melayu, iaitu seramai 156 orang (95.12%), diikuti dengan bahasa Inggeris seramai 7 orang (4.27%), dan 1 orang (0.61%) sahaja menggunakan dialek-dialek Melayu. Hal yang sama turut berlaku kepada pelajar UUM, iaitu majoriti daripada mereka menggunakan bahasa Melayu ketika berinteraksi dengan pensyarah. Ia dapat dilihat pada keputusan kajian iaitu seramai 85 orang (72.03%) menggunakan bahasa Melayu, 32 orang (27.12%) menggunakan bahasa Inggeris dan 1 orang (0.85%) menggunakan dialek-dialek Melayu. Bagi pelajar UNIMAP, bahasa Melayu turut menjadi pilihan majoriti iaitu seramai 91 orang (77.1%) menggunakan bahasa Melayu, diikuti dengan 25 orang (21.2%) menggunakan bahasa Inggeris, serta masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan dialek-dialek Melayu dan bahasa Mandarin. Justeru, berdasarkan keputusan tersebut, terbukti bahasa yang menjadi pilihan kebanyakan pelajar USM, UUM, dan UNIMAP ialah bahasa Melayu. Keputusan tersebut dapat dilihat pada bilangan pilihan bahasa pelajar ketika berinteraksi dengan pensyarah iaitu 332 orang (83%) menggunakan bahasa Melayu, 64 orang (16%) menggunakan bahasa Inggeris, 3 orang (0.75%) menggunakan dialek-dialek Melayu, dan hanya 1 orang (0.25%) menggunakan bahasa Mandarin.

JADUAL 15. Bahasa pilihan ketika menjalankan program di universiti

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Bahasa pilihan ketika menjalankan	156	95.12	82	69.49	85	72.0	323	80.75
Bahasa Melayu								
Bahasa Inggeris	7	4.27	35	29.66	31	26.3	73	18.25
Dialek-dialek Melayu	1	0.61	1	0.85	1	0.85	3	0.75

program di Bahasa									
universiti	Mandarin								
		1	0.85	1	0.25				
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Bahasa pilihan pelajar ketika menjalankan program di universiti ditunjukkan dalam Jadual 15. Seramai 156 orang (95.12%) pelajar USM menggunakan bahasa Melayu, 7 orang (4.27%) menggunakan bahasa Inggeris, dan hanya 1 orang (0.61%) menggunakan dialek-dialek Melayu. Seterusnya, seramai 82 orang (69.49%) pelajar UUM pula menggunakan bahasa Melayu, 35 orang (29.66%) menggunakan bahasa Inggeris, dan 1 orang (0.85%) sahaja menggunakan dialek-dialek Melayu. Majoriti pelajar UNIMAP turut menggunakan bahasa Melayu ketika menjalankan program di universiti iaitu dengan bilangan seramai 85 orang (72%), diikuti dengan 31 orang (26.3%) menggunakan bahasa Inggeris, dan masing-masing hanya 1 orang (0.85%) menggunakan dialek-dialek Melayu dan bahasa Mandarin. Justeru, berdasarkan jumlah bilangan antara ketiga-tiga pelajar universiti tersebut, bahasa Melayu menjadi bahasa majoriti yang digunakan oleh pelajar ketika menjalankan program di universiti. Hal tersebut dapat dilihat pada turutan bilangan bahasa pilihan iaitu 323 orang (80.75%) menggunakan bahasa Melayu, 73 orang (18.25%) menggunakan bahasa Inggeris, 3 orang (0.75%) menggunakan dialek-dialek Melayu, dan 1 orang (0.25%) sahaja menggunakan bahasa Mandarin.

JADUAL 16. Bahasa pilihan ketika beriadah bersama rakan di dalam kampus

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Bahasa pilihan ketika beriadah bersama rakan di dalam kampus	Bahasa Melayu	122	74.4	99	83.89	96	81.35	317	79.25
	Dialek-dialek Melayu	40	24.4	10	8.47	10	8.47	60	15
	Bahasa Inggeris	1	0.6	6	5.1	6	5.1	13	3.25
	Bahasa Mandarin	1	0.6	3	2.54	5	4.23	9	2.25
	Bahasa Tamil					1	0.85	1	0.25
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Seterusnya, Jadual 16 pula adalah bahasa pilihan pilihan ketika beriadah bersama rakan di dalam kampus. Seramai 122 orang (74.4%) pelajar USM menggunakan bahasa Melayu, 40 orang (24.4%) menggunakan menggunakan dialek-dialek Melayu, dan masing-masing 1 orang (0.6%) menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Bagi pelajar UUM pula, seramai 99 orang (83.89%) menggunakan bahasa Melayu, 10 orang (8.47%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 6 orang (5.1%) menggunakan bahasa Inggeris, dan 3 orang (2.54%) menggunakan bahasa Mandarin. Seramai 96 orang (81.35%) pelajar UNIMAP turut menggunakan bahasa Melayu, diikuti dengan 10 orang (8.47%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 6 orang (5.1%) menggunakan bahasa Inggeris, 5 orang (4.23%) menggunakan bahasa Mandarin, dan 1 orang (0.85%) sahaja menggunakan bahasa Tamil. Daripada jumlah keseluruhan pelajar USM, UUM dan UNIMAP, bahasa majoriti yang digunakan oleh pelajar ketika beriadah bersama rakan di kampus ialah bahasa Melayu iaitu dengan bilangan 317 orang (79.25%), diikuti dengan dialek-dialek Melayu seramai 60 orang (15%), bahasa Inggeris seramai 13 orang (3.25%), bahasa Mandarin seramai 9 orang (2.25%), dan 1 orang (0.25%) sahaja menggunakan bahasa Tamil.

JADUAL 17. Bahasa pilihan ketika berada di desasiswa/hostel

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Bahasa pilihan ketika berada di desasiswa/hostel	Bahasa Melayu	106	64.63	99	83.9	91	77.1	296	74
	Dialek-dialek Melayu	51	31.1	11	9.32	12	10.2	74	18.5
	Bahasa Mandarin	4	2.44	4	3.39	8	6.8	16	4
	Bahasa Inggeris	2	1.22	3	2.54	4	3.4	9	2.25
	Bahasa Tamil	1	0.61	1	0.85	3	2.5	5	1.25
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 17 memaparkan bahasa pilihan pelajar ketika berada di desasiswa/hostel. Berdasarkan jadual tersebut, bahasa Melayu merupakan bahasa pilihan majoriti pelajar USM iaitu dengan bilangan 106 orang (64.63%). Kemudian, diikuti dengan dialek-dialek Melayu seramai 51 orang (31.1%), bahasa Mandarin seramai 4 orang (2.44%), bahasa Inggeris seramai 2 orang (1.22%), dan 1 orang (0.61%) sahaja menggunakan bahasa Tamil. Seterusnya, keputusan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan majoriti turut dapat dilihat pada pelajar UUM, iaitu seramai 99 orang (83.9%) menggunakan bahasa Melayu. Pilihan tersebut kemudiannya diikuti dengan 11 orang (9.32%) memilih dialek-dialek Melayu, 4 orang (3.39%) memilih bahasa Mandarin, 3 orang (2.54%) memilih bahasa Inggeris, dan 1 orang (0.85%) memilih bahasa Tamil. Majoriti pelajar UNIMAP turut memilih bahasa Melayu, iaitu dengan bilangan 91 orang (77.1%). Daripada baki jumlah keseluruhan pelajar UNIMAP, 12 orang (10.2%) daripadanya memilih dialek-dialek Melayu, 8 orang (6.8%) memilih bahasa Mandarin, 4 orang (3.4%) memilih bahasa Inggeris, dan 3 orang (2.5%) memilih bahasa Tamil. Secara keseluruhannya, majoriti responden iaitu 296 orang (74%) orang memilih bahasa Melayu, diikuti dengan 74 orang (18.5%) memilih dialek-dialek Melayu, 16 orang (4%) memilih bahasa Mandarin, 9 orang (2.25%) memilih bahasa Inggeris, dan baki 5 orang (1.25%) lagi memilih bahasa Tamil.

### B) Domain Kekeluargaan

Bahasa pilihan ketika berbual dengan datuk dan nenek, bahasa pilihan ketika berbual dengan ibu, bahasa pilihan ketika berbual dengan bapa, bahasa pilihan ketika berbual dengan adik-beradik, dan bahasa pilihan ketika berbual dengan saudara mara merupakan aspek yang dianalisis dalam domain kekeluargaan.

JADUAL 18. Bahasa pilihan ketika berbual dengan datuk dan nenek

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Bahasa pilihan ketika berbual dengan datuk dan nenek.	Bahasa Melayu	49	30.0	81	68.64	72	61.01	202	50.5
	Dialek-dialek Melayu	105	64.0	24	20.34	25	21.2	154	38.5
	Bahasa Mandarin	3	1.8			5	4.24	8	2
	Bahasa Tamil	3	1.8	2	1.69	9	7.6	14	3.5
	Bahasa Siam	1	0.6			1	0.85	2	0.5
	Bahasa Dusun	1	0.6			1	0.85	2	0.5

Bahasa Iban	1	0.6	4	3.39	1	0.85	6	1.5
Bahasa Hokkien	1	0.6			1	0.85	2	0.5
Bahasa Inggeris			2	1.69	1	0.85	3	0.75
Bahasa Bugis			1	0.85			1	0.25
Bahasa Melanau			1	0.85			1	0.25
Bahasa Jawa			1	0.85	1	0.85	2	0.5
Bahasa Lun Bawang				0.85			1	0.25
Bahasa Bidayuh			1	0.85			1	0.25
Bahasa Gujarat					1	0.85	1	0.25
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Bahasa pilihan ketika berbual dengan datuk dan nenek ditunjukkan dalam Jadual 18. Berdasarkan jadual tersebut, 105 orang (64%) pelajar USM berbual dengan datuk dan nenek mereka dengan menggunakan dialek-dialek Melayu, manakala 49 orang (30%) lagi menggunakan bahasa Melayu. Bakinya, masing-masing 3 orang (1.8%) menggunakan bahasa Mandarin dan bahasa Tamil serta masing-masing 1 orang (0.6%) menggunakan bahasa Siam, bahasa Dusun, bahasa Iban, dan bahasa Hokkien. Seterusnya, bagi pelajar UUM, 81 orang (68.64%) daripada mereka menggunakan bahasa Melayu, 24 orang (20.34%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 4 orang (3.39%) menggunakan bahasa Iban, masing-masing 2 orang (1.69%) menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Inggeris, serta masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Bugis, bahasa Melanau, bahasa Jawa, bahasa Lun Bawang, dan bahasa Bidayuh. Kemudian, bagi pelajar UNIMAP pula, 72 orang (61.01%) menggunakan bahasa Melayu, 25 orang (21.2%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 9 orang (7.6%) menggunakan bahasa Tamil, 5 orang (4.24%) menggunakan bahasa Mandarin, dan selebihnya masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Siam, bahasa Dusun, bahasa Iban, bahasa Hokkien, bahasa Inggeris, bahasa Jawa, dan bahasa Gujarat. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa bahasa Melayu menjadi pilihan majoriti pelajar iaitu dengan bilangan 202 orang (50.5%), diikuti dengan 154 orang (38.5%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 14 orang (3.5%) menggunakan bahasa Tamil, 8 orang (2%) menggunakan bahasa Mandarin, 6 orang (1.5%) menggunakan bahasa Iban, 3 orang (0.75%) menggunakan bahasa Inggeris, masing-masing 2 orang (0.5%) menggunakan bahasa Siam, bahasa Dusun, bahasa Hokkien, dan bahasa Jawa, serta masing-masing 1 orang (0.25%) menggunakan bahasa Bugis, bahasa Melanau, bahasa Lun Bawang, bahasa Bidayuh, dan bahasa Gujarat.

JADUAL 19. Bahasa pilihan ketika berbual dengan ibu.

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa pilihan ketika berbual dengan ibu.	Bahasa Melayu	56	34.15	77	65.3	71	60.1	204	51
	Dialek-dialek Melayu	96	58.54	23	19.5	23	19.5	142	35.5
	Bahasa Inggeris	2	1.22	5	4.2	2	1.7	9	2.25
	Bahasa Mandarin	4	2.43	6	5.1	10	8.5	20	5
	Bahasa Dusun	1	0.61			1	0.85	2	0.5
	Bahasa Iban	1	0.61	4	3.38			5	1.25
	Bahasa Tamil	3	1.83			8	6.8	11	2.75
	Bahasa Siam	1	0.61			1	0.85	2	0.5

Bahasa Lun	1	0.84	1	0.25				
Bawang								
Bahasa Melanau	1	0.84	1	0.25				
Campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris	1	0.84	1	0.25				
Bahasa Iban		1	0.85	1	0.25			
Bahasa Gujarat		1	0.85	1	0.25			
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Seterusnya, Jadual 19 menunjukkan bahasa pilihan pelajar ketika berbual dengan ibu. Data memaparkan bahawa majoriti iaitu 96 orang (58.54%) pelajar USM menggunakan dialek-dialek Melayu, manakala 56 orang (34.15%) menggunakan bahasa Melayu. Selebihnya, 4 orang (2.43%) menggunakan bahasa Mandarin, 3 orang (1.83%) menggunakan bahasa Tamil, 2 orang (1.22%) menggunakan bahasa Inggeris, dan masing-masing 1 orang (0.61%) menggunakan bahasa Dusun, bahasa Iban, dan bahasa Siam. Jika dibandingkan dengan pelajar USM, majoriti iaitu 77 orang (65.3%) pelajar UUM menggunakan bahasa Melayu dan hanya 23 orang (19.5%) sahaja menggunakan dialek-dialek Melayu ketika berbual dengan ibu. Lebih daripada itu, 6 orang (5.1%) menggunakan bahasa Mandarin, 5 orang (4.2%) menggunakan bahasa Inggeris, 4 orang (3.38%) menggunakan bahasa Iban, serta masing-masing 1 orang (0.84%) menggunakan bahasa Lun Bawang, bahasa Melanau, dan campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kemudian, bagi pelajar UNIMAP pula, majoriti daripada mereka iaitu 71 orang (60.1%) turut menggunakan bahasa Melayu ketika berbual dengan ibu. Seramai 23 orang (19.5%) lagi menggunakan dialek-dialek Melayu, 10 orang (8.5%) menggunakan bahasa Mandarin, 8 orang (6.8%) menggunakan bahasa Tamil, 2 orang (1.7%) menggunakan bahasa Inggeris, serta masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Dusun, bahasa Siam, bahasa Iban, dan bahasa Gujarat. Justeru, berdasarkan data pelajar dari ketiga-tiga universiti tersebut, bahasa Melayu menjadi pilihan majoriti pelajar iaitu dengan bilangan 204 orang (51%), diikuti dengan dialek-dialek Melayu dengan bilangan 142 orang (35.5%), bahasa Mandarin dengan bilangan 20 orang (5%), bahasa Tamil dengan bilangan 11 orang (2.75%), bahasa Inggeris dengan bilangan 9 orang (2.25%), masing-masing 2 orang (0.5%) menggunakan bahasa Dusun dan bahasa Siam, serta masing-masing 1 orang (0.25%) menggunakan bahasa Lun Bawang, bahasa Melanau, campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, bahasa Iban, dan bahasa Gujarat.

JADUAL 20. Bahasa pilihan ketika berbual dengan bapa

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa pilihan ketika berbual dengan bapa.	Bahasa Melayu	59	35.97	81	68.64	71	60.2	211	52.75
	Dialek-dialek Melayu	93	56.71	21	17.8	23	19.5	137	34.25
	Campuran bahasa Hokkien dan bahasa Inggeris	1	0.61					1	0.25
	Bahasa Mandarin	3	1.83	6	5.08	8	6.8	17	4.25

Bahasa Inggeris	3	1.83	3	2.54	5	4.2	11	2.75
Bahasa Dusun	1	0.61			1	0.85	2	0.5
Bahasa Iban	1	0.61	4	3.39	1	0.85	6	1.5
Bahasa Tamil	2	1.22	1	0.85	7	5.9	10	2.5
Bahasa Siam	1	0.61			1	0.85	2	0.5
Bahasa Melanau			1	0.85			1	0.25
Bahasa Lun Bawang			1	0.85			1	0.25
Bahasa Gujarat					1	0.85	1	0.25
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 20 menunjukkan bahasa pilihan pelajar ketika berbual dengan bapa. Seramai 93 orang (56.71%) pelajar USM memilih dialek-dialek Melayu, 59 orang (35.97%) memilih bahasa Melayu, masing-masing 3 orang (1.83%) memilih bahasa mandarin dan bahasa Inggeris, 2 orang (1.22%) memilih bahasa Tamil, serta masing-masing 1 orang (0.61%) memilih campuran bahasa Hokkien dan bahasa Inggeris, bahasa Dusun, bahasa Iban, dan bahasa Siam. Seterusnya, bagi pelajar UUM, seramai 81 orang (68.64%) memilih bahasa Melayu, 21 orang (17.8%) memilih dialek-dialek Melayu, 6 orang (5.08%) memilih bahasa Mandarin, 4 orang (3.39%) menggunakan bahasa Iban, 3 orang (2.54%) menggunakan bahasa Inggeris, serta masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Tamil, bahasa Melanau, dan bahasa Lun Bawang. Kemudian, bagi pelajar UNIMAP pula, seramai 71 orang (60.2%) menggunakan bahasa Melayu, 23 orang (19.5%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 8 orang (6.8%) menggunakan bahasa Mandarin, 7 orang (5.9%) menggunakan bahasa Tamil, 5 orang (4.2%) menggunakan bahasa Inggeris, serta masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Dusun, bahasa Iban, dan bahasa Gujarat. Oleh yang demikian, bahasa Melayu menjadi pilihan majoriti pelajar USM, UUM dan UNIMAP iaitu dengan bilangan 211 orang (52.75%), diikuti dengan dialek-dialek Melayu seramai 137 orang (34.25%), bahasa Mandarin seramai 17 orang (4.25%), bahasa Inggeris seramai 11 orang (2.75%), bahasa Tamil seramai 10 orang (2.5%), bahasa Iban seramai 6 orang (1.5%), masing-masing seramai 2 orang (0.5%) bagi bahasa Dusun dan bahasa Siam, serta masing-masing 1 orang (0.25%) bagi campuran bahasa Hokkien dan bahasa Inggeris, bahasa Melanau, bahasa Lun Bawang, dan bahasa Gujarat.

JADUAL 21. Bahasa pilihan ketika berbual dengan adik-beradik

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa pilihan ketika berbual dengan adik-beradik	Bahasa Melayu	58	35.36	81	68.64	72	61.02	211	52.75
	Dialek-dialek Melayu	93	56.71	21	17.8	23	19.49	137	34.25
	Bahasa Mandarin	6	3.66	6	5.1	10	8.47	22	5.5
	Bahasa Inggeris	2	1.22	4	3.39	3	2.54	9	2.25
	Bahasa Iban	1	0.61	4	3.39	1	0.85	6	1.5
	Bahasa Siam	1	0.61			1	0.85	2	0.5
	Bahasa Tamil	2	1.22	1	0.84	8	6.78	11	2.75
	Campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu	1	0.61					1	0.25

Bahasa Lun	1	0.84	1	0.25
Bahasa Bawang				
<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>

Bagi bahasa pilihan ketika berbual dengan adik-beradik, Jadual 21 menunjukkan bahawa 93 orang (56.71%) pelajar USM menggunakan dialek-dialek Melayu, 58 orang (35.36%) lagi menggunakan bahasa Melayu, kemudian 6 orang (3.66%) menggunakan bahasa Mandarin, masing-masing 2 orang (1.22%) menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Tamil, serta masing-masing 1 orang (0.61%) menggunakan bahasa Iban, bahasa Siam, dan campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Jadual tersebut turut memaparkan data pelajar UUM, iaitu 81 orang (68.64%) menggunakan bahasa Melayu, 21 orang (17.8%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 6 orang (5.1%) menggunakan bahasa Mandarin, masing-masing 4 orang (3.39%) menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Iban, serta masing-masing 1 orang (0.84%) menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Lun Bawang. Bagi pelajar UNIMAP pula, 72 orang (61.02%) menggunakan bahasa Melayu, 23 orang (19.49%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 10 orang (8.47%) menggunakan bahasa Mandarin, 8 orang (6.78%) menggunakan bahasa Tamil, 3 orang (2.54%) menggunakan bahasa Inggeris, serta masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Iban dan bahasa Siam. Justeru, berdasarkan data yang diperoleh daripada gabungan pelajar dari ketiga-tiga universiti tersebut, bahasa Melayu menjadi pilihan majoriti pelajar iaitu dengan bilangan 211 orang (52.75%) menggunakannya, diikuti dengan 137 orang (34.25%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 22 orang (5.5%) menggunakan bahasa Mandarin, 11 orang (2.75%) menggunakan bahasa Tamil, 9 orang (2.25%) menggunakan bahasa Inggeris, 6 orang (1.5%) menggunakan bahasa Iban, 2 orang (0.5%) menggunakan bahasa Siam, dan masing-masing 1 orang (0.25%) menggunakan bahasa Lun Bawang serta campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

JADUAL 22. Bahasa pilihan ketika berbual dengan saudara mara

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa pilihan ketika berbual dengan saudara mara.	Bahasa Melayu	67	40.85	81	68.64	74	62.7	222	55.5
	Dialek-dialek Melayu	83	50.61	20	17	24	20.3	127	31.75
	Bahasa Mandarin	6	3.66	5	4.2	8	6.8	19	4.75
	Bahasa Inggeris	2	1.22	4	3.4	3	2.5	9	2.25
	Bahasa Iban	1	0.61	4	3.4	1	0.85	6	1.5
	Bahasa Siam	1	0.61					1	0.25
	Bahasa Tamil	3	1.83	1	0.84	7	6	11	2.75
	Campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu	1	0.61					1	0.25
	Bahasa Bidayuh			1	0.84			1	0.25
	Bahasa Lun Bawang			1	0.84			1	0.25
	Bahasa Melanau			1	0.84			1	0.25
	Bahasa Dusun					1	0.85	1	0.25
	<b>Jumlah:</b>	<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>



Jadual seterusnya iaitu Jadual 22 memaparkan bahasa pilihan pelajar ketika berbual dengan saudara mara. Majoriti iaitu 83 orang (50.61%) pelajar USM menggunakan dialek-dialek Melayu, manakala 67 orang (40.85%) menggunakan bahasa Melayu, kemudian diikuti dengan 6 orang (3.66%) menggunakan bahasa Mandarin, 3 orang (1.83%) menggunakan bahasa Tamil, 2 orang (1.22%) menggunakan bahasa Inggeris, serta masing-masing 1 orang (0.61%) menggunakan bahasa Iban, bahasa Siam, dan campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Bagi pelajar UUM pula, 81 orang (68.64%) menggunakan bahasa Melayu, 20 orang (17%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 5 orang (4.2%) menggunakan bahasa Mandarin, masing-masing 4 orang (3.4%) menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Iban, serta masing-masing 1 orang (0.84%) menggunakan bahasa Tamil, bahasa Bidayuh, bahasa Lun Bawang, dan bahasa Melanau. Pilihan hampir sama turut didapati dalam kalangan pelajar UNIMAP, iaitu 74 orang (62.7%) menggunakan bahasa Melayu, 24 orang (20.3%) menggunakan dialek-dialek Melayu, 8 orang (6.8%) menggunakan bahasa Mandarin, 7 orang (6%) menggunakan bahasa Tamil, dan masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Iban dan bahasa Dusun. Oleh yang demikian, berdasarkan data terhadap semua pelajar USM, UUM, dan UNIMAP, bahasa Melayu merupakan pilihan utama mereka ketika berbual dengan saudara mara, iaitu dengan bilangan 222 orang (55.5%). Kemudian, ia diikuti dengan dialek-dialek Melayu iaitu seramai 127 orang (31.75%), bahasa Mandarin seramai 19 orang (4.75%), bahasa Tamil seramai 11 orang (2.75%), bahasa Inggeris seramai 9 orang (2.25%), bahasa Iban seramai 6 orang (1.5%), serta masing-masing 1 orang (0.25%) memilih bahasa Siam, campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, bahasa Bidayuh, Bahasa Lun Bawang, bahasa Melanau, dan bahasa Dusun.

### C) Domain Jual Beli

Aspek yang dianalisis dalam domain jual beli pula adalah bahasa pilihan ketika berada di kafetaria, bahasa pilihan ketika berada di pusat membeli-belah, bahasa pilihan ketika membeli di kedai orang berbangsa Melayu, bahasa pilihan ketika membeli di kedai orang berbangsa Cina, dan bahasa pilihan ketika membeli di kedai orang berbangsa India.

JADUAL 23. Bahasa pilihan ketika berada di kafetaria.

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa pilihan ketika berada di kafetaria.	Bahasa Melayu	147	89.63	112	94.92	105	88.98	364	91
	Dialek-dialek Melayu	13	7.93	4	3.39	8	6.78	25	6.25
	Bahasa Inggeris	3	1.83	2	1.69	4	3.39	9	2.25
	Bahasa Mandarin	1	0.61					1	0.25
	Bahasa Tamil					1	0.85	1	0.25
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 23 menunjukkan bahasa pilihan pelajar ketika berada di kafetaria. Data yang diperoleh memaparkan bahawa bahasa pilihan majoriti pelajar USM ialah bahasa Melayu, iaitu dengan bilangan 147 orang (89.63%) memilih bahasa tersebut. Kemudian, ia diikuti dengan 13 orang (7.93%) memilih dialek-dialek Melayu, 3 orang memilih bahasa Inggeris, dan 1 orang (0.61%) memilih bahasa Mandarin. Bagi pelajar UUM pula, bahasa Melayu turut menjadi pilihan utama iaitu dengan bilangan 112 orang (94.92%) memilih bahasa tersebut. Selebihnya, 4 orang (3.39%) memilih dialek-dialek Melayu dan 2 orang (1.69%) memilih bahasa Inggeris. Pola

yang hampir sama turut berlaku dalam kalangan pelajar UNIMAP iaitu 105 orang (88.98%) memilih bahasa Melayu, 8 orang (6.78%) memilih dialek-dialek Melayu, 4 orang (3.39%) memilih bahasa Inggeris, dan 1 orang (0.85%) sahaja memilih bahasa Tamil. Daripada data pelajar ketiga-tiga universiti tersebut, bahasa Melayu menjadi pilihan majoriti untuk digunakan ketika berada di kafetaria, iaitu dengan bilangan 364 orang (91%) orang memilih untuk menggunakan bahasa tersebut. Selebihnya, 25 orang (6.25%) memilih dialek-dialek Melayu, 9 orang (2.25%) memilih bahasa Inggeris, dan masing-masing 1 orang (0.25%) memilih bahasa Mandarin dan bahasa Tamil.

JADUAL 24. Bahasa pilihan ketika berada di pusat membeli-belah

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa pilihan ketika berada di pusat membeli-belah	Bahasa Melayu	137	83.54	104	88.1	100	84.7	341	85.25
	Bahasa Inggeris	13	7.92	12	10.2	16	13.6	41	10.25
	Dialek-dialek Melayu	12	7.32	2	1.7	2	1.7	16	4
	Bahasa Mandarin	2	1.22					2	0.5
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Seterusnya, Jadual 24 memaparkan bahasa pilihan pelajar ketika berada di pusat membeli-belah. Daripada jadual tersebut, majoriti pelajar USM iaitu 137 orang (83.54%) menggunakan bahasa Melayu, diikuti dengan bahasa Inggeris seramai 13 orang (7.92%), dialek-dialek Melayu seramai 12 orang (7.32%), dan bahasa Mandarin seramai 2 orang (1.22%) sahaja. Bagi pelajar UUM pula, bahasa Melayu turut pilihan majoriti iaitu seramai 104 orang (88.1%) memilih bahasa Melayu, kemudiannya diikuti dengan 12 orang (10.2%) memilih bahasa Inggeris, dan 2 orang memilih dialek-dialek Melayu. Keputusan yang hampir sama turut diperoleh daripada pelajar UNIMAP iaitu majoritinya memilih bahasa Melayu iaitu dengan bilangan 100 orang (84.7%), diikuti dengan 16 orang (13.6%) memilih bahasa Inggeris, dan baki 2 orang (1.7%) memilih dialek-dialek Melayu. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian terhadap pelajar dari ketiga-tiga universiti tersebut, bahasa Melayu menjadi pilihan ramai iaitu dengan bilangan 341 orang (85.25%), kemudian diikuti dengan bahasa Inggeris seramai 41 orang (10.25%), dialek-dialek Melayu seramai 16 orang (4%), dan hanya 2 orang (0.5%) memilih bahasa Mandarin.

JADUAL 25. Bahasa pilihan ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Melayu

Item	USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Bahasa pilihan ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Melayu	Bahasa Melayu	150	91.46	116	98.3	113	95.76	379	94.75
	Dialek-dialek Melayu	12	7.32	1	0.85	4	3.39	17	4.25
	Bahasa Inggeris	2	1.22	1	0.85	1	0.85	4	1
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual 25 menunjukkan bahasa pilihan pelajar ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Melayu. Bagi pelajar USM, 150 orang (91.46%) daripada mereka menggunakan bahasa

Melayu, 12 orang (7.32%) menggunakan dialek-dialek Melayu dan baki 2 orang (1.22%) menggunakan bahasa Inggeris. Bagi pelajar UUM pula, 116 orang (98.3%) daripada mereka menggunakan bahasa Melayu, serta masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan dialek-dialek Melayu dan bahasa Inggeris. Kemudian, bagi pelajar UNIMAP, 113 orang (95.76%) daripada mereka menggunakan bahasa Melayu, 4 orang (3.39%) menggunakan dialek-dialek Melayu dan baki 1 orang (0.85%) menggunakan bahasa Inggeris. Keputusan tersebut menunjukkan bahawa majoriti pelajar USM, UUM, dan UNIMAP menggunakan bahasa Melayu ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Melayu. Hasil tersebut ditunjukkan pada bilangan keseluruhan responden iaitu 379 orang (94.75%) menggunakan bahasa Melayu, 17 orang (4.25%) menggunakan dialek-dialek Melayu, dan hanya 4 orang (1%) menggunakan bahasa Inggeris.

JADUAL 26. Bahasa pilihan ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Cina

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Bahasa pilihan ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Cina	Bahasa Melayu	110	67.07	79	66.95	72	61	261	65.25
	Bahasa Inggeris	35	21.34	28	23.73	31	26.3	94	23.5
	Dialek-dialek Melayu	12	7.32	1	0.85	2	1.7	15	3.75
	Bahasa Mandarin	7	4.27	10	8.47	13	11	30	7.5
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Kemudian, Jadual 26 pula memaparkan bahasa pilihan pelajar ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Cina. Keputusan menunjukkan 110 orang (67.07%) pelajar USM menggunakan bahasa Melayu, 35 orang (21.34%) menggunakan bahasa Inggeris, 12 orang (7.32%) menggunakan dialek-dialek Melayu, dan 7 orang (4.27%) menggunakan bahasa Mandarin. Bagi pelajar UUM pula, 79 orang (66.95%) daripada mereka menggunakan bahasa Melayu, 28 orang (23.73%) menggunakan bahasa Inggeris, 10 orang (8.47%) menggunakan bahasa Mandarin, dan hanya 1 orang (0.85%) menggunakan dialek-dialek Melayu. Bahasa Melayu turut menjadi pilihan ramai pelajar UNIMAP untuk digunakan ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Cina, iaitu seramai 72 orang (61%) daripada mereka menggunakannya. Selebihnya, 31 orang (26.3%) menggunakan bahasa Inggeris, 13 orang (11%) menggunakan bahasa Mandarin, dan 2 orang (1.7%) menggunakan dialek-dialek Melayu. Oleh itu, berdasarkan data yang diperoleh daripada keseluruhan responden dari ketiga-tiga universiti tersebut, bahasa Melayu tetap menjadi pilihan tertinggi ketika membeli barang di kedai orang berbangsa Cina. Hal tersebut dapat dilihat pada bilangan responden iaitu 261 orang (65.25%) memilih bahasa Melayu, 94 orang (23.5%) memilih bahasa Inggeris, 30 orang (7.5%) menggunakan bahasa Mandarin, dan 15 orang (3.75%) menggunakan dialek-dialek Melayu.

JADUAL 27. Bahasa pilihan ketika membeli barang di kedai orang berbangsa India

Item		USM		UUM		UNIMAP		Jum. Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Bahasa pilihan ketika membeli	Bahasa Melayu	121	73.78	89	75.4	78	66.1	288	72
	Bahasa Inggeris	29	17.68	27	22.9	30	25.4	86	21.5

barang di kedai orang berbangsa India	Dialek-dialek Melayu	11	6.71	1	0.85	2	1.7	14	3.5
	Bahasa Tamil	3	1.83	1	0.85	8	6.8	12	3
<b>Jumlah:</b>		<b>164</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>118</b>	<b>100</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Jadual terakhir iaitu Jadual 27 menunjukkan bahasa pilihan pelajar ketika membeli barang di kedai orang berbangsa India. Bagi pelajar USM, 121 orang (73.78%) daripada mereka menggunakan bahasa Melayu, 29 orang (17.68%) menggunakan bahasa Inggeris, 11 orang (6.71%) menggunakan dialek-dialek Melayu dan baki 3 orang (1.83%) menggunakan bahasa Tamil. Bagi pelajar UUM pula, 89 orang (75.4%) daripada mereka menggunakan bahasa Melayu, 27 orang (22.9%) menggunakan bahasa Inggeris, serta masing-masing 1 orang (0.85%) menggunakan dialek-dialek Melayu dan bahasa Tamil. Kemudian, bagi pelajar UNIMAP, 78 orang (66.1%) daripada mereka menggunakan bahasa Melayu, 30 orang (25.4%) menggunakan bahasa Inggeris, 8 orang (6.8%) menggunakan bahasa Tamil, dan baki 2 orang (1.7%) lagi menggunakan dialek-dialek Melayu. Keputusan tersebut menunjukkan bahawa majoriti pelajar USM, UUM, dan UNIMAP menggunakan bahasa Melayu ketika membeli barang di kedai orang berbangsa India. Ia ditunjukkan pada bilangan keseluruhan responden iaitu 288 orang (72%) menggunakan bahasa Melayu, 86 orang (21.5%) menggunakan bahasa Inggeris, 14 orang (3.5%) menggunakan dialek-dialek Melayu, dan baki 12 orang (3%) menggunakan bahasa Tamil.

## PERBINCANGAN

### *Sikap Terhadap Bahasa Melayu*

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih mempunyai nilai prestij yang perlu diperkukuhkan dan dimantapkan di IPTA di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kedudukan bahasa Melayu dari aspek perundangan negara seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan perlu dihormati, diperakui dan dikembalikan haknya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan sepenuhnya. Hal ini sejajar dengan penegasan yang dibuat oleh Noor Rohana & Hamdan Azmi (2014:39), iaitu semua peruntukan perundangan bahasa Melayu hendaklah dihormati, dilaksanakan dengan ikhlas dan jujur oleh segenap lapisan masyarakat, daripada pemimpin negara hinggalah masyarakat awam.

Dalam konteks Dasar Bahasa Kebangsaan, masyarakat Malaysia yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India tidak sesekali dipisahkan daripada martabat bahasa Melayu selaku bahasa negara. Martabat yang tinggi perlu diberikan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa negara dengan pengertian bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi perlu dihormati oleh semua lapisan warga Malaysia pada setiap masa. Pernyataan ini selari dengan penegasan Teo (2010) iaitu tempat bahasa Melayu perlulah sentiasa berada di atas kerana maruah bangsa Malaysia terletak pada martabat bahasa Melayu.

Di IPTA, perasaan bangga menggunakan bahasa Melayu masih berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan pelajar. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan dan pihak pengurusan tertinggi di Kementerian pengajian Tinggi dan IPTA perlu sentiasa menitikberatkan perihal penggunaan bahasa Melayu dalam setiap aktiviti akademik, sukan dan sebagainya agar bahasa Melayu dipandang tinggi sesuai dengan statusnya sebagai bahasa negara. Responden bersetuju bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa paling efektif untuk bersaing dalam dunia pekerjaan kelak. Justeru, usaha Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasa Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah salah satu usaha yang rasional dalam konteks mendepani cabaran

global dan masa hadapan dalam kalangan generasi muda. Memartabatkan Bahasa Melayu bermaksud meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Memperkukuh Bahasa Inggeris pula bermaksud memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dapatan kajian juga mendapati pelajar di IPTA mengakui bahasa Melayu merupakan bahasa yang menimbulkan rasa cinta kepada negara dan bahasa yang paling dihargai. Bahasa sebagai wahana pemikiran dan budaya berkait rapat dalam apa sahaja kegiatan dan aspirasi masyarakat dan negara. Hal ini dapat dilihat apabila bahasa Melayu menjadi salah satu tunjang kebangkitan semangat kebangsaan untuk menuntut kemerdekaan. Gerakan dan perjuangan menuntut kemerdekaan bukan sahaja berasaskan isu politik dan ekonomi, bahkan berasaskan isu bahasa dan pendidikan (Awang Sariyan, 2005). Hal ini disokong oleh Amir (2013) iaitu bahasa Melayu merupakan wahana simbolik semangat kebangsaan yang paling berkesan. Ia berfungsi sebagai alat penyatupaduan, selain berjaya menimbulkan kesedaran tentang identiti di peringkat kebangsaan sejak kemerdekaan. Ini jelas daripada ungkapan Perdana Menteri pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman pada tahun 1975 "... adalah wajar bagi kita sebuah negara membangun berhasrat mempunyai bahasa sendiri. Sekiranya bahasa kebangsaan tidak diperkenalkan negara kita tidak akan mempunyai peribadi dan keperibadian. Apa yang boleh saya ungkapkan sebagai negara yang tidak mempunyai jiwa dan roh." (dalam Amir, 2013). Bangsa Malaysia tidak seharusnya hanya menjadi komuniti yang diimajinasikan, sebaliknya hendaklah mampu mengharungi gelombang cabaran masa depan, bangsa yang jitu dan kukuh peribadinya. Kesedaran kolektif bangsa dapat dibentuk melalui bahasa Melayu yang digunakan dengan meluas dalam semua bidang kehidupan. Selain keteguhan budaya, politik dan ekonomi, bahasa Melayu merupakan wahana penting untuk memantapkan dan melonjakkan martabat bangsa Malaysia (Amir, 2013).

### *Pemilihan Bahasa*

Pemilihan bahasa dalam domain pendidikan menunjukkan responden kajian di USM, UUM dan UNIMAP memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan pensyarah, bahasa pilihan ketika menjalankan program di universiti, bahasa pilihan ketika beriadah bersama rakan di dalam kampus, dan bahasa pilihan ketika berada di desasiswa/hostel. Walau bagaimanapun ketika membentangkan tugas bahasa Melayu tidak menjadi bahasa pilihan majoriti pelajar UNIMAP ketika membentangkan tugas walaupun angkanya hampir setara. Hal tersebut dapat dilihat pada bilangan 56 orang (47.5%) yang memilih bahasa Melayu berbanding 60 orang (50.8%) yang memilih bahasa Inggeris. Hal ini mungkin disebabkan majoriti responden yang mengikuti bidang kejuruteraan dan teknologi menuntut mereka menggunakan bahasa Inggeris dalam menyampaikan istilah-istilah dalam bidang tersebut.

Pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan, iaitu ketika berbual dengan datuk dan nenek, bahasa pilihan ketika berbual dengan ibu, bahasa pilihan ketika berbual dengan bapa, bahasa pilihan ketika berbual dengan adik-beradik, dan bahasa pilihan ketika berbual dengan saudara mara menunjukkan bahasa Melayu menjadi pilihan utama dalam kalangan responden kajian di UUM dan UNIMAP. Walaubagaimanapun pelajar di USM memilih dialek-dialek Melayu ketika berkomunikasi dalam domain keluarga. Hal ini mungkin disebabkan majoriti responden di USM yang mengikuti bidang linguistik bahasa Melayu khususnya sosiolinguistik mempunyai kesedaran untuk memelihara dialek-dialek negeri masing-masing.

Bahasa pilihan dalam domain jual beli pula menunjukkan responden kajian di USM, UUM dan UNIMAP memilih bahasa Melayu ketika berbual dengan datuk dan nenek, bahasa pilihan ketika berbual dengan ibu, bahasa pilihan ketika berbual dengan bapa, bahasa pilihan ketika berbual dengan adik-beradik, dan bahasa pilihan ketika berbual dengan saudara mara. Dapatan ini membuktikan responden kajian mempunyai kesedaran bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi utama yang difahami dan mampu dituturkan oleh kaum dan etnik di Malaysia dengan baik khususnya dalam domain jual beli.

Dapatan kajian juga membuktikan responden mempunyai rasa tanggungjawab untuk memelihara imej bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Ini kerana, tindakan yang boleh merendahkan atau menurunkan imej bahasa Melayu sebetulnya turut merendahkan atau menurunkan imej bangsa Malaysia itu sendiri (Teo, 2010). Dalam hal ini, Hassan Ahmad (2002) menyatakan imej sesebuah negara bergantung kepada bahasa negaranya melalui beberapa situasi. Antaranya, orang Malaysia yang selalu berkomunikasi sesama sendiri dalam bahasa Inggeris di luar majlis dan perjumpaan rasmi antarabangsa di UNESCO menyebabkan masyarakat luar berasa hairan dengan perilaku orang Malaysia itu. Hal ini kerana wakil tetap Jepun ke UNESCO hanya menggunakan bahasa Inggeris untuk menyampaikan ucapan, berbahas atau berkomunikasi dengan orang lain yang tidak memahami bahasa Jepun. Hal yang sama diperhatikan berlaku dalam kalangan para wakil dari negara China. Imej bahasa Mandarin begitu dijaga oleh mereka melalui ungkapan berikut:

*Apa perlunya kami menggunakan bahasa Inggeris sesama sendiri sedangkan kami sudah punya bahasa sendiri yang dapat menyampaikan segala maksud hati dan fikiran kami.*

(Hassan Ahmad, 2002)

Berdasarkan situasi di atas, jelas bahawa dasar sesebuah negara dalam membina imej bahasa negaranya mempengaruhi persepsi masyarakatnya sendiri dan masyarakat luar. Hal ini disokong oleh Abdullah (2007) yang berpendapat bahawa komitmen jitu dan berterusan oleh semua pihak kerajaan dan swasta amat penting bagi menjamin kejayaan pelaksanaannya. Selain itu, pengorbanan dari segi kos dan masa harus dilakukan kerana bangsa yang bermaruah dan berwibawa akan memastikan imej bahasa negaranya sentiasa didaulatkan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, responden berpendapat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa paling berprestij, membuatkan mereka berasa bangga apabila menggunakannya, menimbulkan rasa cinta kepada negara serta bahasa yang paling dihargai. Manakala, bahasa Inggeris merupakan bahasa paling efektif dalam pekerjaan. Selain itu, responden turut memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan dalam domain pendidikan, keluarga dan jual beli. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa bahasa Melayu masih mempunyai peranan dan menjadi pilihan utama pelajar sebagai bahasa utama ilmu di IPTA. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa paling efektif untuk bersaing dalam bidang pekerjaan kelak. Pemain utama bagi memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu adalah kerajaan. Kerajaan berkuasa sepenuhnya untuk menentukan hala tuju sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi negara. Selain itu, dasar dan polisi di setiap IPT juga memainkan peranan dalam konteks penggunaan bahasa pengantar di IPT. Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Justeru, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi kerangka rujukan pihak berkepentingan agar usaha meletakkan

bahasa Melayu di tempat yang sepatutnya dapat dilakukan lebih giat, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia.

## RUJUKAN

- Awang Sariyan. 2005. *Dialog Peradaban: Bahasa Melayu sebagai Wahana Perpaduan*. Institut Perkembangan Minda (INMIND) & Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya. November.
- Ammar Asyraf Mansor & Sa'adiyah Ma'alip .2008. Sikap Bahasa terhadap Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-17.
- Chew Fong Peng . 2018.Sikap Bahasa Melayu dalam kalangan Siswa/i China. *Jurnal Kurikulum & pengajaran Asia Pasifik*. 6(4), 1-11
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Dilah Tuah, Chong Shin, Remmy Gedat, Mohammed Azlan Mis. 2021. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Etnik Minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu Penelitian Awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 177-195.
- Fasold, R. 1984. *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Blackwell
- Fishman, Joshua A. .1972. *The Sociology of Language*. Rowley, Mass: New Bury House.
- Fishman, J.A.,.1972. *Language in Sociocultural Change*. California: Stanford University Press.
- Fishman, J.A.1972. Domains and the relationship between micro and macrosociolinguistics. Dalam J. Gumperz & D. Hymes (Eds.), *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication*. New York: Holt, Rinehart & Winston,ms.435-453
- Fishman, Joshua A. 1991. *Sosiologi Bahasa* (terj. Alias Mohammad Yatim). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Harimurti Kridalaksana .2001. Kamus Linguistik. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Hassan Ahmad. 2002. *Dasar Bahasa dan Pembangunan Negara di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Hassan Omar. 2014. SJK Perlu Pertingkat Program Pembelajaran Bahasa Melayu. *Berita Harian*, 12 November : 27.
- Holmes, Janet. 1996. *An Introduction to Sociolinguistics* (Second Edition). Longman Malaysia.
- Hoh Sook Kuan. 2011. *Sikap dan Pemilihan Bahasa Kaum Cina di Malaysia*: Disertasi Sarjana Bahasa Moden, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohammed Azlan Mis. 2010. *Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa*. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 10(2), 97-114
- Mohammed Azlan Mis. 2012. *Analisis Pilihan Bahasa Sebagai Lingua Franca di Sarawak*: Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya,Kuala Lumpur.
- Mohammed Azlan Mis. 2020. *Pilihan Bahasa dan Lingua Franca*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohammed Azlan Mis & Nur Syafiqah Muhammad Situl. 2022. Pemilihan Bahasa dalam Situasi Rasmi di Pejabat Kerajaan. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 22(3), 213-235
- Nik Safiah Karim .1998. Bahasa Melayu dan Pemerksaannya. Kertas kerja, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-V, Kuala Lumpur, Mei.

- Noor Rohana Mansor & Hamdan Azmi Abd. Aziz .2014. *Bahasa Melayu dalam Bidang Sains dan Teknologi di Institusi Pengajian Tinggi Negara*. Kuala Terengganu:Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nurul Adila Zulkipli & Sa'adiah Ma'alip. 2021. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Pekerja Asing di Taman Pelangi , Prai, Pulau Pinang. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 154-169.
- Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong .2016. Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti di Melaka. *Jurnal Melayu*, 15 (2), 211-222
- Sa'adiah Ma'alip. Pemilihan Bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong.2016. *Jurnal Melayu*, 12(1), 32-43.
- Sa'adiah Ma'alip. 1996. Sikap Bahasa Pelajar di Britain Terhadap Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Britain. Seminar Tahunan Ke-3 Jabatan Linguistik. FSSK. UKM
- Sa'adiah Ma'alip. 1999. Bahasa Melayu Dan Pekerja Asing Di Sektor Perkilangan: Pemerhatian Terhadap Penerimaan Dan Sikap Bahasa Mereka. *Jurnal Dewan Bahasa*, 43, 1004-1018.
- Sharin Selva Raj .2005. *Language as a Salient Identity Marker of Ethnicity*: Thesis of Master in English as a second language. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tan Hua An & Tan Tiam Lai .2021. Sikap dan Persepsi terhadap Pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai Bahasa Asing di Universiti Teknikal.*Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 450-460.
- Teo Kok Seong. 1999. Pemilihan Bahasa. *Pelita Bahasa*, November, 40-43.
- Teo, Kok Seong. 2015. Bahasa Melayu Bukan Sekadar Alat Komunikasi. *Berita Harian*, 29 Januari:3
- Teo, Kok Seong. 2010. Bahasa Melayu Wajib Jadi Teras. *Pemikir*, April-Jun 2010, 41-56.

#### **Biodata Penulis:**

**Mohd Khaidir Abdul Wahab (PhD)** merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sejarah bahasa Melayu, linguistik sejarah bahasa Austronesia dan falsafah bahasa. Beliau sedang membuat PhD kedua dalam bidang sociolinguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia.